# LAPORAN KEWANGAN LGM 2017

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
LGM
MALAYSIAN RUBBER BOARD

## PENYATA KEWANGAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

# KANDUNGAN


| | Muka surat |
|---|---|
| Sijil Ketua Audit Negara | i |
| Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah | 1 |
| Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Lembaga Getah Malaysia | 2 |
| Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2017 | 3 |
| Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 | 4 |
| Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 | 5 |
| Penyata Perubahan Ekuiti yang Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 | 6 |
| Penyata Perubahan Ekuiti Lembaga Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 | 7 |
| Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2017 | 8 |
| Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Bagi 31 Disember 2017 | 9 - 60 |

# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
# MENGENAI PENYATA KEWANGAN
# LEMBAGA GETAH MALAYSIA
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dan Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti Yang Disatukan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 66.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Seksyen 4 (1) Akta 551, Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996.

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Getah Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Seksyen 4 (1) Akta 551, Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Getah Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Getah Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Seksyen 4 (1) Akta 551, Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996, saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Getah Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(JOHARI BIN ISMAIL)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
23 OGOS 2018

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami, En. Sankara Narayanan a/l Sankaran Nair dan En. Tan Swee Hua, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Getah Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti, dan Penyata Aliran Tunai, yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan Lembaga pada 31hb Disember 2017, dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga

En. Sankara Narayanan a/l Sankaran Nair
Pengerusi Lembaga
Lembaga Getah Malaysia

Tarikh : 17 AUG 2018

Di Kuala Lumpur

Bagi pihak Lembaga

En. Tan Swee Hua
Ahli Lembaga Pengarah
Lembaga Getah Malaysia

Tarikh : 17 AUG 2018

Di Kuala Lumpur

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

Kami, Dr. Zairossani bin Mohd Nor dan Nik Sahazeman bin Nik Abdul Majid, yang merupakan Ketua Pengarah Lembaga Getah Malaysia dan Ketua Unit Kewangan & Akaun, selaku pegawai-pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Getah Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Untung Atau Rugi Dan Pendapatan Komprehensif Lain, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama-penama di atas )
di Kuala Lumpur )
pada 17 AUG 2018 )

Dr. Zairossani bin Mohd Nor
Ketua Pengarah
Lembaga Getah Malaysia

Nik Sahazeman bin Nik Abdul Majid
Ketua Unit Kewangan & Akaun
Lembaga Getah Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W677
HALIM BIN HAMID
MALAYSIA

No. 77 Jalan 3/76D,
Desa Pandan
55100 Kuala Lumpur
Malaysia

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**
**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
**PADA 31 DISEMBER 2017**

| | Nota | Kumpulan 2017 (RM) | Kumpulan 2016 (RM) | Lembaga 2017 (RM) | Lembaga 2016 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN | 3 | 632,721,225 | 593,548,105 | 549,517,109 | 510,470,814 |
| PELABURAN HARTANAH | 4 | 26,238,006 | 27,278,777 | 25,878,720 | 26,898,197 |
| TANAH DIPEGANG UNTUK PEMBANGUNAN HARTANAH | 5 | 54,172,416 | 54,172,416 | 54,172,416 | 54,172,416 |
| PELABURAN DI DALAM PERBADANAN LEMBAGA | 6 | - | - | 2,000,000 | 2,000,000 |
| PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG | 7 | 47,984,954 | 49,414,597 | 36,070,644 | 38,066,752 |
| PENGHUTANG JANGKA PANJANG | 9 & 10 | 3,904,514 | 1,932,217 | 3,896,709 | 1,923,102 |
| CUKAI TERTUNDA ASET | | 74,778 | - | - | - |
| MUHIBBAH SEMASA PENGGABUNGAN | | 7,164 | 7,226 | - | - |
| **JUMLAH ASET BUKAN SEMASA** | | **765,103,057** | **726,353,338** | **671,535,598** | **633,531,281** |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| INVENTORI | 8 | 1,186,212 | 1,133,614 | 1,092,472 | 712,141 |
| PENGHUTANG KAKITANGAN | 9 | 1,054,497 | 661,106 | 1,040,906 | 641,011 |
| PENGHUTANG DAGANGAN DAN LAIN -LAIN | 10 | 6,736,131 | 6,762,090 | 4,108,107 | 3,352,852 |
| SUMBANGAN BELUM TERIMA DARIPADA PERBADANAN | | - | - | 3,000,000 | - |
| PEMBAYARAN PENDAHULUAN CUKAI | | 23,415,781 | 24,918,494 | 20,374,201 | 21,662,314 |
| CUKAI BARANGAN & PERKHIDMATAN (GST) DAN CUKAI NILAI TAMBAH (VAT) BELUM TERIMA | | 438,604 | 192,546 | 30,966 | 52,169 |
| PEMBAYARAN PENDAHULUAN, DEPOSIT DAN FAEDAH TERAKRU | 11 | 66,225,989 | 11,243,028 | 67,568,368 | 12,915,999 |
| DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN | 12 | 1,626,930,449 | 1,715,692,681 | 1,586,997,467 | 1,680,159,699 |
| WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK | 12 | 163,973,362 | 69,127,289 | 146,915,002 | 49,072,368 |
| WANG TUNAI DALAM TRANSIT | 12 | - | 6,441 | - | 6,441 |
| **JUMLAH ASET SEMASA** | | **1,889,961,025** | **1,829,737,289** | **1,831,127,489** | **1,768,574,994** |
| **JUMLAH ASET** | | **2,655,064,082** | **2,556,090,627** | **2,502,663,087** | **2,402,106,275** |
| **DIBIAYAI OLEH:** | | | | | |
| KUMPULAN WANG TERKUMPUL BAKI DIBAWA | | 1,914,190,177 | 1,968,435,189 | 1,899,961,667 | 1,942,462,203 |
| KURANGAN PENDAPATAN TAHUN SEMASA | | (3,985,685) | (55,161,748) | (6,137,519) | (41,388,970) |
| KUMPULAN WANG TERKUMPUL | | 1,910,204,492 | 1,913,273,441 | 1,893,824,148 | 1,901,073,233 |
| KUMPULAN WANG MEKANISMA KAWALAN HARGA GETAH | 17 | 6,400,000 | 6,400,000 | 6,400,000 | 6,400,000 |
| KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN | | 7,000,000 | 7,000,000 | 7,000,000 | 7,000,000 |
| KUMPULAN WANG PINJAMAN KOMPUTER | | 600,000 | 600,000 | 600,000 | 600,000 |
| TABUNG - TABUNG TERKUMPUL | 18 | 49,749,608 | 48,769,187 | 28,849,608 | 30,569,187 |
| REZAB MODAL | | 99,678 | 100,591 | - | - |
| REZAB SEMASA PENGGABUNGAN | | 9,242,303 | 13,134,468 | - | - |
| REZAB PENILAIAN HARTANAH | 19 | 147,561,868 | 149,293,346 | 93,892,825 | 93,892,825 |
| **JUMLAH EKUITI** | | **2,130,857,949** | **2,138,571,033** | **2,030,566,581** | **2,039,535,245** |
| **LIABILITI BUKAN SEMASA** | | | | | |
| TANGGUNGAN MANFAAT PEKERJA JANGKA PANJANG | 31 | 39,233,360 | 44,000,000 | - | - |
| CUKAI TERTUNDA | 20 | 1,228,751 | 162,079 | - | - |
| **JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA** | | **40,462,111** | **44,162,079** | - | - |
| **LIABILITI SEMASA** | | | | | |
| PEMIUTANG KAKITANGAN | | 379,608 | 349,728 | 379,608 | 349,728 |
| PEMIUTANG DAGANGAN | | 20,376,064 | 11,286,295 | 12,730,003 | 8,743,908 |
| DEPOSIT, WANG TAHANAN DAN LAIN-LAIN | 13 | 16,888,469 | 20,517,393 | 16,535,656 | 16,744,182 |
| PENDAHULUAN PEMAJU BAGI PROJEK USAHASAMA HARTANAH DI KUALA LUMPUR | 14 | 15,397,597 | 35,397,597 | 15,397,597 | 35,397,597 |
| PREMIUM KE ATAS PERTUKARAN SYARAT TANAH BELUM DIBAYAR | | - | 29,549,020 | - | 29,549,020 |
| PERUNTUKAN PENANGGUHAN SEMENTARA KUTIPAN SES GETAH (PSG) | 15 | - | 232,294 | - | 232,294 |
| GERAN TERTUNDA | 16 | 416,571,348 | 255,826,759 | 413,769,252 | 252,314,217 |
| PERUNTUKAN PERCUKAIAN | 26 | 14,130,936 | 20,198,429 | 13,284,390 | 19,240,084 |
| **JUMLAH LIABILITI SEMASA** | | **483,744,022** | **373,357,515** | **472,096,506** | **362,571,030** |
| **JUMLAH LIABILITI** | | **524,206,133** | **417,519,594** | **472,096,506** | **362,571,030** |
| **JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI** | | **2,655,064,082** | **2,556,090,627** | **2,502,663,087** | **2,402,106,275** |

*** Nota-nota kepada akaun adalah dari muka surat 9 hingga 67 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama**

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**
**PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| | Nota | Kumpulan 2017 (RM) | Kumpulan 2016 (RM) | Lembaga 2017 (RM) | Lembaga 2016 (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| **PENDAPATAN** | | | | | |
| HASIL | 21 | 332,710,320 | 256,503,651 | 303,266,529 | 228,102,776 |
| LAIN - LAIN HASIL | 22 | 28,331,384 | 14,297,470 | 24,472,517 | 6,250,826 |
| | | **361,041,704** | **270,801,121** | **327,739,046** | **234,353,602** |
| **TOLAK : PERBELANJAAN** | | | | | |
| GAJI DAN PENCEN KAKITANGAN | 23 | 92,662,340 | 91,879,257 | 70,877,173 | 69,946,886 |
| PERBELANJAAN TAMBAHAN YANG DILULUSKAN | 24 | 9,050,660 | 10,224,316 | 9,050,660 | 10,224,316 |
| PEMBAYARAN INSENTIF PENGELUARAN GETAH | 16 | 7,502,453 | 59,884,522 | 7,502,453 | 59,884,522 |
| PEMBAYARAN BANTUAN MUSIM TENGKUJUH (BMT) | | 116,572,200 | - | 116,572,200 | - |
| SUSUT NILAI UNTUK TAHUN SEMASA | | 26,108,765 | 26,575,404 | 20,634,035 | 21,365,569 |
| PERTAMBAHAN PERUNTUKAN HUTANG RAGU | | 26,035 | 144,133 | - | 134,914 |
| ROSOTNILAI HUTANG | | 714,736 | 62,770 | 714,736 | 62,770 |
| PENGURANGAN STOK | | - | 95,119 | - | 95,119 |
| PELUPUSAN HARTA | | 21,657 | 1,659,929 | 18,135 | 1,654,642 |
| PELUNASAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG | 7 | 2,393,399 | 1,541,686 | 2,393,399 | 1,541,686 |
| PERBELANJAAN BEKALAN, PERKHIDMATAN DAN LAIN-LAIN | 25 | 92,213,498 | 87,978,117 | 68,769,443 | 67,280,096 |
| KERUGIAN DALAM MATA WANG ASING | | 67,684 | 7,047 | 11,226 | 7,047 |
| KERUGIAN AKTUARI DRP SKIM PENCEN TARRC | | - | 23,775,180 | - | - |
| KOS BERSIH SKIM PENCEN TARRC | | 1,484,720 | 1,307,130 | - | - |
| TUN ABDUL RAZAK RESEARCH CENTRE (TARRC) | | - | - | 22,143,150 | 22,526,466 |
| WAKIL LONDON | | - | - | 806,850 | 1,026,905 |
| | | **348,818,147** | **305,134,610** | **319,493,460** | **255,750,939** |
| **LEBIHAN / (KURANGAN) SEBELUM CUKAI** | | **12,223,557** | **(34,333,490)** | **8,245,586** | **(21,397,337)** |
| **PERCUKAIAN** | 26 | **16,209,242** | **20,828,258** | **14,383,105** | **19,991,633** |
| **KURANGAN SELEPAS CUKAI** | | **(3,985,685)** | **(55,161,748)** | **(6,137,519)** | **(41,388,970)** |
| **PENDAPATAN KOMPREHENSIF YANG LAIN** | | - | - | - | - |
| **PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN** | | **(3,985,685)** | **(55,161,748)** | **(6,137,519)** | **(41,388,970)** |
| **KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN YANG BOLEH DIAGIHKAN KEPADA:** | | | | | |
| PEMILIK INDUK | | **(3,985,685)** | **(55,161,748)** | **(6,137,519)** | **(41,388,970)** |
| **JUMLAH PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN YANG BOLEH DIAGIHKAN KEPADA:** | | | | | |
| PEMILIK INDUK | | **(3,985,685)** | **(55,161,748)** | **(6,137,519)** | **(41,388,970)** |

* Nota-nota kepada akaun adalah dari muka surat 9 hingga 67 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI YANG DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| *KUMPULAN* | Nota | Kumpulan Wang Terkumpul | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | Kumpulan Wang Mekanisma Kawalan Harga Getah | Tabung-Tabung Terkumpul | Rezab Penilaian Harta | Rezab Modal | Rezab Semasa Penggabungan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **BAKI PADA 1 JANUARI 2017** | | **1,913,273,441** | **7,000,000** | **600,000** | **6,400,000** | **48,769,187** | **149,293,346** | **100,591** | **13,134,468** | **2,138,571,033** |
| Kurangan Selepas Cukai | | (3,985,685) | - | - | - | - | - | - | - | (3,985,685) |
| Pemberian Geran Tabung Pembangunan & Penyelidikan dari Rezab Lembaga | | 5,419,378 | - | - | - | - | - | - | - | 5,419,378 |
| Pindahan Dana ke Geran Tertunda (Baki RMK) | 16 | (5,077,053) | - | - | - | - | - | - | - | (5,077,053) |
| Pelarasan Rosot Nilai Biasiswa LGM | | 10,860 | - | - | - | - | - | - | - | 10,860 |
| Perbelanjaan Tabung Biasiswa LGM | 18 | - | - | - | - | (1,427,041) | - | - | - | (1,427,041) |
| Kutipan Semula Tabung Biasiswa LGM | 18 | - | - | - | - | 13,975 | - | - | - | 13,975 |
| Peningkatan Tabung Ses Tanam Semula | 18 | (2,700,000) | - | - | - | 2,816,766 | - | - | - | 116,766 |
| Perbelanjaan Tabung Ses Tanam Semula | 18 | - | - | - | - | (423,279) | - | - | - | (423,279) |
| Pelarasan tahun lepas/semula | 27 | 966,070 | - | - | - | - | - | - | - | 966,070 |
| Pelarasan kepada Rezab Penilaian Harta -ELGEM | | - | - | - | - | - | (1,228,751) | - | - | (1,228,751) |
| Pelarasan perbezaan bagi baki awal disebabkan perbezaan kadar tukaran matawang asing | | (320,215) | - | - | - | - | (502,727) | (913) | - | (823,855) |
| Pelarasan amaun pendapatan selepas cukai pada penyata pendapatan disebabkan transaksi semasa penggabungan | | 2,608,246 | - | - | - | - | - | - | - | 2,608,246 |
| Pelarasan perbezaan nilai keuntungan/kerugian yang direkodkan di antara Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan disebabkan perbezaan kadar tukaran matawang asing semasa transaksi penggabungan | | 9,450 | - | - | - | - | - | - | - | 9,450 |
| Pelarasan rezab semasa transaksi penggabungan | | - | - | - | - | - | - | - | (3,892,165) | (3,892,165) |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER 2017** | | **1,910,204,492** | **7,000,000** | **600,000** | **6,400,000** | **49,749,608** | **147,561,868** | **99,678** | **9,242,303** | **2,130,857,949** |

*** Nota-nota kepada akaun adalah dari muka surat 9 hingga 67 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama**

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI YANG DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| *KUMPULAN* | Nota | Kumpulan Wang Terkumpul | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | Kumpulan Wang Mekanisma Kawalan Harga Getah | Tabung-Tabung Terkumpul | Rezab Modal | Rezab Semasa Penggabungan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **BAKI PADA 1 JANUARI 2016** | | | | | | | | | |
| **- seperti dinyatakan semula** | | **2,125,543,467** | **7,000,000** | **600,000** | **6,400,000** | **49,200,128** | **116,108** | **9,138,164** | **2,197,997,867** |
| Kurangan Selepas Cukai | | (55,161,748) | - | - | - | - | - | - | (55,161,748) |
| Pemberian Geran Tabung Pembangunan & Penyelidikan dari Rezab Lembaga | | 4,761,090 | - | - | - | - | - | - | 4,761,090 |
| Perbelanjaan Tabung Biasiswa | 18 | - | - | - | - | (2,643,201) | - | - | (2,643,201) |
| Peningkatan Tabung Ses Tanam Semula | 18 | (2,700,000) | - | - | - | 2,753,473 | - | | 53,473 |
| Perbelanjaan Tabung Tanam Semula | 18 | - | - | - | - | (541,213) | - | - | (541,213) |
| Pelarasan tahun lepas/semula | 27 | 199,898 | - | - | - | - | - | - | 199,898 |
| Pelarasan perbezaan bagi baki awal disebabkan perbezaan kadar tukaran matawang asing | | (745,973) | - | - | - | - | (15,517) | - | (761,490) |
| Pelarasan amaun pendapatan selepas cukai pada penyata pendapatan disebabkan transaksi semasa penggabungan | | (8,736,876) | - | - | - | - | - | - | (8,736,876) |
| Pelarasan perbezaan nilai keuntungan/kerugian yang direkodkan di antara Penyata Pendapatan dan Lembaran Imbangan disebabkan perbezaan kadar tukaran matawang asing semasa transaksi penggabungan | | (593,071) | - | - | - | - | - | - | (593,071) |
| Pelarasan rezab semasa transaksi penggabungan | | - | - | - | - | - | - | 3,996,304 | 3,996,304 |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER 2016** | | **2,062,566,787** | **7,000,000** | **600,000** | **6,400,000** | **48,769,187** | **100,591** | **13,134,468** | **2,138,571,033** |

*** Nota-nota kepada akaun adalah dari muka surat 9 hingga 67 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca**

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI LEMBAGA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

| *LEMBAGA* | Nota | Kumpulan Wang Terkumpul | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | Wang Mekanisma Kawalan Harga Getah | Tabung-Tabung Terkumpul | Rezab Penilaian Harta | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **BAKI PADA 1 JANUARI 2016** | | **1,937,429,999** | **7,000,000** | **600,000** | **6,400,000** | **33,700,128** | **93,892,825** | **2,079,022,952** |
| Kurangan Selepas Cukai | | (41,388,970) | - | - | - | - | - | **(41,388,970)** |
| Pindahan Ke Kumpulan Wang Mengurus | | 2,668,928 | - | - | - | - | - | **2,668,928** |
| Pindahan Hasil Bersih IPG Ke Kumpulan Wang IPG | | (2,597,712) | - | - | - | - | - | **(2,597,712)** |
| Pelarasan Tahun Lepas/Semula | 27 | 199,898 | - | - | - | - | - | **199,898** |
| Peningkatan Tabung Ses Tanam Semula | 18 | - | - | - | - | 53,473 | - | **53,473** |
| Perbelanjaan Tabung Biasiswa | 18 | - | - | - | - | (2,643,201) | - | **(2,643,201)** |
| Perbelanjaan Tabung Tanam Semula | 18 | - | - | - | - | (541,213) | - | **(541,213)** |
| Pemberian Geran Tabung Pembangunan & Penyelidikan dari Rezab Lembaga | | 4,761,090 | - | - | - | - | - | **4,761,090** |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER 2016** | | **1,901,073,233** | **7,000,000** | **600,000** | **6,400,000** | **30,569,187** | **93,892,825** | **2,039,535,245** |
| **BAKI PADA 1 JANUARI 2017** | | **1,901,073,233** | **7,000,000** | **600,000** | **6,400,000** | **30,569,187** | **93,892,825** | **2,039,535,245** |
| Kurangan Selepas Cukai | | (6,137,519) | - | - | - | - | - | **(6,137,519)** |
| Pindahan Dana ke Geran Tertunda Baki RMK | | (5,077,053) | - | - | - | - | - | **(5,077,053)** |
| Pindahan Hasil Bersih IPG Ke Kumpulan Wang IPG | | (2,430,821) | - | - | - | - | - | **(2,430,821)** |
| Pelarasan Tahun Lepas/Semula | 27 | 966,070 | - | - | - | - | - | **966,070** |
| Pelarasan Rosot Nilai Biasiswa | | 10,860 | - | - | - | - | - | **10,860** |
| Peningkatan Tabung Ses Tanam Semula | 18 | - | - | - | - | 116,766 | - | **116,766** |
| Perbelanjaan Tabung Biasiswa | 18 | - | - | - | - | (1,427,041) | - | **(1,427,041)** |
| Kutipan Semula Tabung Biasiswa | 18 | - | - | - | - | 13,975 | - | **13,975** |
| Perbelanjaan Tabung Tanam Semula | 18 | | - | - | - | (423,279) | - | **(423,279)** |
| Pemberian Geran Tabung Pembangunan & Penyelidikan dari Rezab Lembaga | | 5,419,378 | - | - | - | - | - | **5,419,378** |
| **BAKI PADA 31 DISEMBER 2017** | | **1,893,824,148** | **7,000,000** | **600,000** | **6,400,000** | **28,849,608** | **93,892,825** | **2,030,566,581** |

*** Nota-nota kepada akaun adalah dari muka surat 9 hingga 67 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama**

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**
**PENYATA ALIRAN TUNAI**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017**

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | (RM) | (RM) | (RM) | (RM) |
| **TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI** | | | | |
| **(KURANGAN) / LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI** | 12,223,557 | (34,333,490) | 8,245,586 | (21,397,337) |
| GERAN PEMBANGUNAN DILUNASKAN | (18,005,768) | (14,367,184) | (17,295,322) | (14,685,499) |
| GERAN INSENTIF PENGELUARAN GETAH DILUNASKAN | (7,502,453) | (2,245,651) | (7,502,453) | (59,884,522) |
| GERAN SKIM KLUSTER LATEKS | (29,019) | - | (29,019) | - |
| GERAN BANTUAN MUSIM TENGKUJUH DILUNASKAN | (116,572,200) | - | (116,572,200) | - |
| SUSUT NILAI | 26,108,765 | 26,575,404 | 20,634,035 | 21,365,569 |
| PENDAPATAN FAEDAH | (62,811,250) | (68,368,808) | (61,624,100) | (67,276,660) |
| PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN PERUNTUKAN HUTANG RAGU | 10,784 | 144,133 | (10,333) | 134,914 |
| HUTANG LAPUK | - | 13,661 | - | - |
| ROSOT NILAI HUTANG | 714,736 | 62,770 | 714,736 | 62,770 |
| PELUPUSAN HARTA | 21,657 | 1,659,929 | 18,135 | 1,654,642 |
| PELARASAN TAHUN SEBELUM - PERBELANJAAN | 125,997 | 199,898 | 125,997 | 199,898 |
| PELARASAN KADAR TUKARAN WANG ASING | 4,857,731 | 9,104,262 | - | - |
| PELARASAN REZAB SEMASA PENGGABUNGAN | (3,892,165) | 3,996,304 | - | - |
| PENCEN TARRC | - | 23,775,180 | | |
| PELARASAN REZAB PENILAIAN HARTA - ELGEM | (1,228,751) | - | - | - |
| PELARASAN PERBELANJAAN RMK10 | 2,772,146 | - | 2,772,146 | - |
| PERLUNASAN PEMBANGUNAN LADANG | 2,393,399 | 1,541,686 | 2,393,399 | 1,541,686 |
| KEUNTUNGAN ATAS JUALAN HARTA | (125,275) | (6,005,242) | (125,275) | (355,972) |
| **KEUNTUNGAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA** | (160,938,109) | (58,247,148) | (168,254,668) | (138,640,510) |
| PENURUNAN / (KENAIKAN) STOK | (52,598) | 933,044 | (380,331) | 449,715 |
| PENURUNAN / (KENAIKAN) CUKAI TERTUNDA ASET | (74,778) | - | - | - |
| PENURUNAN / (KENAIKAN) PENGHUTANG JANGKA PANJANG | (2,687,033) | (52,303) | (2,688,343) | (341,404) |
| PENURUNAN / (KENAIKAN) PENGHUTANG KAKITANGAN | (393,391) | (41,259) | (399,895) | 27,706 |
| PENURUNAN / (KENAIKAN) SUMBANGAN BELUM TERIMA DARIPADA PERBADANAN | - | - | (3,000,000) | 1,500,000 |
| PENURUNAN / (KENAIKAN) PENGHUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN | (230,883) | 2,436,097 | (723,720) | (1,819,923) |
| PENURUNAN / (KENAIKAN) PEMBAYARAN PENDAHULUAN, DEPOSIT DAN FAEDAH TERKARU | (54,982,961) | (7,522,364) | (54,652,369) | (3,448,430) |
| PENURUNAN / (KENAIKAN) PEMBAYARAN PENDAHULUAN CUKAI | 1,502,713 | 230,423 | 1,288,112 | (2,031,760) |
| KENAIKAN PEMIUTANG KAKITANGAN | 29,880 | 80,409 | 29,880 | 80,409 |
| KENAIKAN / (PENURUNAN) PEMIUTANG AM | 9,089,769 | (557,523) | 3,986,095 | (5,911,250) |
| PENURUNAN DEPOSIT, WANG TAHANAN DAN LAIN-LAIN | (3,628,924) | (13,358,655) | (208,526) | (6,000,518) |
| KENAIKAN / (PENURUNAN) PENDAHULUAN PEMAJU BAGI PROJEK USAHASAMA HARTANAH DI KUALA LUMPUR | (20,000,000) | 30,397,597 | (20,000,000) | 30,397,597 |
| KENAIKAN / (PENURUNAN) PREMIUM KE ATAS PERTUKARAN SYARAT TANAH | (29,549,020) | 29,549,020 | (29,549,020) | 29,549,020 |
| KENAIKAN / (PENURUNAN) PERUNTUKAN PENANGGUHAN SEMENTARA KUTIPAN SES | (232,294) | 232,294 | (232,294) | 232,294 |
| KENAIKAN / (PENURUNAN) GERAN TERTUNDA | - | (48,406,485) | - | (44,641,238) |
| KENAIKAN / (PENURUNAN) CUKAI TERTUNDA | 1,066,672 | 138,755 | - | - |
| KENAIKAN / (PENURUNAN) MANFAAT PEKERJA JANGKA PANJANG | (4,766,640) | 11,092,434 | - | - |
| CUKAI DIBAYAR | (22,276,735) | (15,384,825) | (20,338,799) | (14,519,954) |
| | (127,186,223) | (10,233,341) | (126,869,210) | (16,477,737) |
| **TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN** | | | | |
| TUNAI KELUAR DARI TAMBAHAN HARTA TETAP | (64,466,772) | (107,664,031) | (58,247,210) | (100,954,510) |
| PELARASAN HARTA TETAP | 173,531 | 68,400 | 173,531 | 68,400 |
| TERIMAAN TUNAI GERAN PEMBANGUNAN RMK11 | 14,471,450 | 8,752,300 | 14,471,450 | 8,752,300 |
| TERIMAAN TUNAI GERAN NKEA RMK10 | - | 5,000,000 | - | 5,000,000 |
| TERIMAAN TUNAI GERAN NKEA RMK11 | 17,300,000 | 3,310,000 | 17,300,000 | 3,310,000 |
| TERIMAAN TUNAI GERAN SKIM KLUSTER LATEKS | - | 10,000,000 | - | 10,000,000 |
| TERIMAAN TUNAI GERAN BANTUAN MUSIM TENGKUJUH | 261,000,000 | - | 261,000,000 | - |
| KENAIKAN/(PENURUNAN) KUMPULAN WANG | 5,430,238 | (6,780,195) | 5,430,238 | 79,204,645 |
| TUNAI DARI JUALAN HARTA TETAP | 165,370 | 392,383 | 162,600 | 392,383 |
| FAEDAH DARI PELABURAN TETAP | 62,811,250 | 68,368,808 | 61,624,100 | 67,276,660 |
| TUNAI KELUAR DARI TABUNG TANAM SEMULA | (423,279) | - | (423,279) | (487,740) |
| TUNAI MASUK KE TABUNG TANAM SEMULA | 116,766 | 2,212,260 | 116,766 | - |
| TUNAI KELUAR DARI PENGGUNAAN TABUNG BIASISWA | (1,427,041) | (2,643,201) | (1,427,041) | (2,643,201) |
| TUNAI MASUK DARI KUTIPAN SEMULA TABUNG BIASISWA | 13,975 | - | 13,975 | - |
| TUNAI KELUAR UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG | (963,756) | (2,170,634) | (397,291) | (1,123,847) |
| | 294,201,732 | (21,153,910) | 299,797,839 | 68,795,089 |
| **KENAIKAN/(PENURUNAN) BAKI TUNAI DAN TUNAI SETARA** | 6,077,400 | (89,634,399) | 4,673,961 | (86,323,158) |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 1 JANUARI** | 1,784,826,411 | 1,874,460,810 | 1,729,238,508 | 1,815,561,666 |
| **TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER** | **1,790,903,811** | **1,784,826,411** | **1,733,912,469** | **1,729,238,508** |

* Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan meliputi berikut .

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| DEPOSIT DENGAN INSTITUSI KEWANGAN | 1,626,930,449 | 1,715,692,681 | 1,586,997,467 | 1,680,159,699 |
| WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK | 163,973,362 | 69,127,289 | 146,915,002 | 49,072,368 |
| WANG TUNAI DALAM TRANSIT | - | 6,441 | - | 6,441 |
| | **1,790,903,811** | **1,784,826,411** | **1,733,912,469** | **1,729,238,508** |

* Nota-nota kepada akaun adalah dari muka surat 9 hingga 67 adalah sebahagian dari penyata ini dan hendaklah dibaca bersama

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI 31 DISEMBER 2017

### 1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Lembaga Getah Malaysia (selepas ini disebut sebagai Lembaga atau LGM) adalah sebagai Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi yang bertanggungjawab untuk mempromosi, merancang, mengawal selia dan memajukan industri getah Malaysia. Lembaga juga bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti pembangunan dan penyelidikan dalam pengeluaran, pemakaian dan penggunaan getah. Kesemua fungsi dan kegiatan ini terkandung di dalam Seksyen 4 (1) Akta 551, Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996. Pejabat utama Lembaga terletak di Tingkat 18, Bangunan Getah Asli (Menara), 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

### 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

#### a) Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga dan perbadanan yang ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (*Malaysian Private Entities Reporting Standard* - MPERS) yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Lembaga Getah Malaysia (Diperbadankan) Akta 551, 1996.

Penyata kewangan perbadanan-perbadanan asing yang ditubuhkan dan bermastautin di United Kingdom mengguna pakai Piawaian Pelaporan Kewangan *(Financial Reporting Standard 102 applicable in the* United Kingdom *and Republic of Ireland")* dan mematuhi Peruntukan Akta dan piawaian-piawaian perakaunan di United Kingdom.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi kehendak MPERS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Ia juga memerlukan Lembaga untuk membuat penilaian mereka di dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan Kumpulan dan Lembaga. Bagaimanapun, anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Lembaga tentang peristiwa dan tindakan semasa, dan ia mungkin berbeza daripada keputusan sebenar.

Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks, atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan, dinyatakan dalam Nota 2 (t) kepada penyata kewangan.

Penyata Kewangan (Belum Beraudit) telah dibentangkan dan diluluskan Lembaga Pengarah pada 18 April 2018.

**b) Asas Penyatuan**

Penyata kewangan disatukan merangkumi semua projek, unit-unit Lembaga dan perbadanan–perbadanan Lembaga untuk tahun berakhir 31 Disember 2017. Hasil perbadanan yang telah diperolehi dalam tahun ini telah diambil kira dalam Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain disatukan dari tarikh pemerolehan.

Urusniaga di antara Lembaga dan perbadanan – perbadanan Lembaga telah dihapuskan semasa penyatuan dan Penyata Kewangan yang disatukan hanya menggambarkan urus niaga dengan pihak luaran sahaja.

**c) Pelaburan Di Dalam Perbadanan Lembaga**

Perbadanan Lembaga adalah dimiliki dan dikawal sepenuhnya oleh Lembaga dan didaftarkan di bawah Seksyen 45 Akta Lembaga Getah Malaysia (Diperbadankan) 1996.

Pelaburan di dalam perbadanan Lembaga dinyatakan pada kos kecuali di dalam pandangan Lembaga terdapat penurunan nilai yang tetap di mana di dalam kes ini satu peruntukan perlu dibuat untuk penurunan di dalam nilai.

Sekiranya Lembaga menggulung sesuatu perbadanan, nilai aset bersih atau nilai liabiliti bersih akan dipindahkan ke akaun Lembaga dan akan diselaraskan dengan jumlah pelaburan yang telah dibuat.

**d) Sumbangan Daripada Perbadanan**

Sumbangan daripada perbadanan ditentukan berdasarkan prestasi dan kedudukan kewangan perbadanan. Sumbangan akan diiktiraf sebagai hasil Lembaga secara akruan apabila perbadanan mengisytiharkan sumbangan berkenaan.

**e) Pengiktirafan Pendapatan**

Pendapatan diiktiraf apabila ianya didapati memberikan faedah ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga Lembaga dan jumlahnya boleh diukur secara sahih. Berikut adalah pengiktirafan secara spesifik berkenaan kriteria sebelum sesuatu urusniaga diiktiraf sebagai hasil.

**i. Jualan Barangan dan Perkhidmatan**

Hasil dari jualan barangan dikenal pasti sebagai pendapatan apabila risiko signifikan dan pemilikan barangan telah dipindahkan kepada pelanggan Kumpulan dan Lembaga. Hasil daripada aktiviti perkhidmatan diiktiraf setelah ianya dilaksanakan dan diterima oleh pelanggan Kumpulan dan Lembaga.

**ii. Pendapatan Faedah**

Pendapatan faedah dari simpanan dan deposit tetap konvensional diiktiraf mengikut asas akruan. Pendapatan dari deposit dan simpanan tetap yang mengikut prinsip syariah diiktiraf menurut asas tunai.

**iii. Pendapatan Sewa dan Kutipan Ses**

Pendapatan dari kutipan sewaan dan ses adalah diiktiraf mengikut asas akruan.

**iv. Peruntukan daripada Kerajaan**

Geran Mengurus yang diterima untuk tujuan membiayai perbelanjaan operasi adalah diambil kira sebagai pendapatan dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain (Kumpulan Wang Terkumpul) tahun semasa.

Lain-lain geran termasuk geran pembangunan dan *National Key Economic Area* (NKEA) bertujuan untuk membiayai projek-projek khas akan diiktiraf sebagai liabiliti apabila geran diterima. Geran ini hanya diiktiraf sebagai hasil apabila geran itu digunakan berdasarkan skop yang ditetapkan.

Semua geran yang diterima selain daripada tunai, akan dinyatakan berdasarkan nilai saksama pada tarikh ianya diterima.

**f) Inventori**

Inventori terdiri daripada (a) stok getah, (b) baja, racun dan kimia tanaman, dan (c) bahan tanaman. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah pertama masuk, pertama keluar (*first in, first out* – FIFO).

Inventori dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih setelah mengambil kira rosot nilai.

**g) Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susut Nilai**

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Lembaga dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat.

Hartanah, loji dan peralatan yang bernilai RM1,000 ke atas akan dipermodalkan.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus.

Keuntungan atau kerugian atas jualan hartanah, loji dan peralatan adalah dikenal pasti dengan membuat bandingan harga jualan dengan nilai bawa dan ia akan diiktirafkan sebagai pendapatan atau perbelanjaan di Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain.

Tanah milik bebas tidak diperlunaskan. Tanah pajak dilunaskan berasaskan jangka masa pajakan tanah tersebut.

Bangunan-bangunan atas tanah milik bebas dan di atas tanah pajak yang melebihi 50 tahun disusutnilai atas kadar 2%-5% setahun mengikut kaedah garis lurus. Bangunan-bangunan di atas tanah pajak yang kurang daripada 50 tahun disusutnilai berasaskan baki jangka masa pajakan tersebut.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

| Hartanah, Loji dan Peralatan | Kadar Tahunan |
|---|---|
| Loji, jentera, kelengkapan dan peralatan makmal | 10%-25% |
| Bangunan Pertanian | 10% |
| Billboard dan Papan Tanda | 10% |
| Alatan pejabat, perabot dan kelengkapan | 20% |
| Peralatan komputer | 20% - 33.33% |
| Kenderaan | 20% -25% |
| Mesin dan Peralatan Ladang | 20% |
| Ubahsuaian Bangunan | 10%-20% |
| Stor | 5% |
| Infrastruktur | 10% |

Kerja Dalam Kemajuan tidak disusutnilai kerana kategori aset ini belum ditentukan dan belum disahkan siap.

**h) Pelaburan Hartanah**

Pelaburan hartanah meliputi tanah atau bangunan atau sebahagian daripada bangunan atau kedua-duanya sekali, dipegang untuk menjana hasil sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya dan tidak digunakan oleh Kumpulan dan Lembaga.

Hartanah tersebut pada mulanya dinilai pada nilai kos, termasuk kos urusniaga. Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang rosot nilai terkumpul.

Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pajak dilunaskan berasaskan jangka masa pajakan tanah tersebut.

Bangunan-bangunan atas tanah milik bebas dan di atas tanah pajak yang melebihi 50 tahun disusutnilai atas kadar 2%-5% setahun mengikut kaedah garis lurus. Bangunan-bangunan di atas tanah pajak yang kurang daripada 50 tahun disusutnilai berasaskan baki jangka masa pajakan tersebut.

**i) Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah**

Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah meliputi tanah-tanah yang dipegang yang telah dipersetujui untuk dibangunkan bersama pemaju dan tidak digunakan oleh Kumpulan dan Lembaga.

Hartanah tersebut pada mulanya dinilai pada nilai kos, termasuk kos urusniaga. Ianya hartanah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan sebarang rosot nilai terkumpul.

**j) Aset Kewangan**

Aset kewangan diiktiraf di dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

**i) Aset Kewangan Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian**

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak boleh diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

**ii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Hutang yang Diukur pada Kos Dilunaskan**

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kaedah faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

**iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosot Nilai**

Intrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan di mana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan meyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosot nilai.

**iv) Rosot Nilai Aset Kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Lembaga menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau dilunaskan, telah dirosot nilai.

Bukti objektif boleh termasuk:
- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor
- pelanggaran kontrak
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk

dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Untuk pelaburan ekuiti tidak disebut harga dinyatakan pada kos ditolak rosot nilai, pengurangan nilai adalah perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran terbaik (yang semestinya anggaran) daripada jumlah (yang mungkin menjadi sifar) bahawa Kumpulan menjangka untuk menerima untuk aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan. Kumpulan boleh menganggarkan jumlah yang boleh diperolehi semula menggunakan pendekatan nilai aset bersih yang dilaraskan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

**k)** Rosot nilai aset bukan kewangan

Amaun dibawa aset bukan kewangan (iaitu hartanah, loji dan peralatan, pelaburan hartanah, tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan aset tidak ketara) dikaji semula pada akhir setiap tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang tanda kemerosotan nilai. Sekiranya tanda-tanda tersebut wujud, amaun boleh pulih aset akan dianggarkan.

Bagi tujuan ujian kemerosotan nilai, aset akan dikumpulkan bersama ke dalam kumpulan kecil aset yang dapat menjana aliran tunai dari terus digunakan yang sebahagian besarnya bebas daripada aliran masuk tunai aset-aset lain atau unit penjanaan tunai. Bagi tujuan ujian kemerosotan nilai muhibah, unit penjanaan tunai di mana muhibah yang telah diperuntukkan diagregatkan supaya tahap di mana ujian rosot nilai dilakukan mencerminkan tahap terendah di mana muhibah dipantau bagi tujuan pelaporan dalaman. Muhibah yang diperolehi dari kombinasi perniagaan, untuk tujuan ujian kemerosotan nilai, diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai atau

sekumpulan unit penjanaan tunai yang dijangka mendapat manfaat daripada pengabungan.

Jumlah boleh diperolehi semula sesuatu aset atau unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksamanya ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai yang digunakan, aliran tunai masa hadapan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset atau unit menjana tunai itu.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf jika jumlah dibawa aset atau unit penjanaan tunai berkaitan melebihi jumlah anggaran yang boleh diperolehi semula.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dari sudut unit penjanaan tunai diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun dibawa sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai (kumpulan unit-unit penjana tunai) dan kemudian untuk mengurangkan jumlah dibawa aset lain dalam unit menjana tunai (kumpulan unit penjanaan tunai) atas dasar pro rata.

**l) Perbelanjaan Pembangunan Ladang**

Perbelanjaan penanaman dipermodalkan di bawah perbelanjaan pembangunan ladang dan akan diperlunaskan apabila pokok telah matang, berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran usia penghasilannya.

Perbelanjaan penanaman semula termasuk perbelanjaan penjagaan pokok – pokok sehingga matang akan dipermodalkan.

Kadar pelunasan tahunan yang digunakan untuk ladang adalah 9 tahun untuk ladang hutan getah dan 25 tahun untuk ladang biasa.

**m) Perbelanjaan Penyelidikan dan Pembangunan**

Perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan dalam sesuatu tahun akan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam tahun berkenaan. Perbelanjaan atas projek pula dianggap mempunyai potensi komersil akan dimodalkan mulai tarikh ianya ditentukan berpotensi sedemikian dan akan dilupuskan apabila penghasilan komersil mulai dicapai berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang anggaran usia penghasilannya.

**n) Peruntukan Hutang Ragu**

Peruntukan hutang ragu dibuat berdasarkan jumlah sebenar semua tunggakan hutang yang melebihi setahun pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

**o) Mata Wang Asing**

**i)** Urus Niaga Mata Wang Asing

Urusniaga dalam mata wang asing telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Setiap harta dan tanggungan matawang asing dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan mengikut kadar semasa yang dianggarkan sama dengan kadar yang berkuat kuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Butir-butir penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain telah ditukarkan mengikut kadar yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga. Keuntungan dan kerugian dari pertukaran diambil kira dalam penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain untuk tahun berkenaan.

**ii)** Perbadanan asing

Penyata kewangan perbadanan-perbadanan asing disatukan, diterjemahkan pada kadar pertukaran akhir tahun berhubung dengan aset dan liabiliti, dan pada kadar pertukaran pasaran-purata tahun urusniaga berhubung penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain. Semua perbezaan terjemahan terhasil diiktiraf dalam rezab semasa penggabungan (ekuiti).

Kadar tukaran mata wang asing (bagi setiap unit *Pound Sterling*) yang digunakan adalah seperti berikut:

| Tahun Kewangan | Kadar pertukaran akhir | Kadar pasaran-purata |
|---|---|---|
| 2017 | 5.46 | 5.54 |
| 2016 | 5.51 | 5.61 |

**p) Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, tunai dalam transit, baki di bank dan simpanan tetap.

**q) Muhibbah semasa penggabungan**

Di bawah kaedah penggabungan perakaunan, sebarang perbezaan antara jumlah pelaburan yang dibawa dan nilai saksama saham yang diperoleh adalah diiktiraf sebagai muhibah negatif atau muhibah dari penyatuan. Perbadanan-perbadanan Lembaga telah digabungkan dari tarikh pengambilalihan, yang mana tarikh itu merupakan tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus digabungkan sehingga tarikh kawalan itu telah berakhir. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan Lembaga di dalam perbadanan-perbadanan Lembaga adalah termasuk nilai muhibah dibawa perbadanan Lembaga berkenaan yang dilupuskan.

**r) Cukai**

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain kecuali ia berkaitan dengan penggabungan perniagaan atau item yang diiktiraf terus dalam ekuiti atau pelbagai pendapatan komprehensif.

Cukai semasa adalah cukai kena bayar yang dijangka atau boleh diterima ke atas pendapatan atau kerugian cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang telah ditetapkan pada akhir tempoh laporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara antara amaun dibawa aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukai. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara seperti berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan tidak menjejaskan sama ada perakaunan atau untung atau rugi boleh cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila ia dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah ditetapkan pada akhir tempoh pelaporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika Kumpulan dan Lembaga mendapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama pada entiti boleh dicukai yang sama, atau ke atas entiti cukai yang berbeza, tetapi mereka bercadang untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa pada asas bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasikan secara serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan ke tahap di mana ia tidak lagi berkemungkinan bahawa manfaat cukai berkaitan akan direalisasi.

**s) Peruntukan liabiliti**

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan dan Lembaga mempunyai obligasi semasa akibat daripada peristiwa yang lepas dan berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, serta anggaran munasabah mengenai jumlah boleh dibuat. Peruntukan disemak pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangandan diselaraskan untuk menunjukkan anggaran semasa yang terbaik. Sekiranya kesan daripada nilai wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan dijangka untuk diperlukan bagi menyelesaikan obligasi tersebut.

**t) Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting**

Anggaran, anggapan mengenai masa depan dan pertimbangan telah dibuat dalam penyediaan penyata kewangan. Perkara tersebut memberi kesan kepada aplikasi dasar perakaunan Kumpulan dan Lembaga, melaporkan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan dan pendedahan yang dibuat. Ia akan dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman sejarah dan lain-lain faktor yang berkaitan, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah di bawah keadaan tertentu.

Andaian utama mengenai masa depan dan lain - lain sumber utama anggaran atau ketidakpastian pada tarikh penyata kedudukan kewangan, yang mempunyai risiko penting menyebabkan pelarasan penting kepada jumlah di bawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang dibincangkan seperti di bawah:

i) Cukai pendapatan

Terdapat pengiraan dan urusniaga tertentu untuk penentuan cukai bagi kebiasaan perniagaan. Penilaian yang signifikan terlibat terutamanya dalam menentukan faedah asas pengenaan cukai dan pengurangan kos tertentu dalam menentukan peruntukan cukai pendapatan. Kumpulan dan Lembaga mengakui kewajipan untuk masalah cukai yang diharapkan berdasarkan anggaran cukai tambahan akan tamat tempoh. Pengiraan terakhir cukai akan berbeza dengan pengiraan awal cukai pendapatan

dan peruntukan cukai tertunda pada tahun kewangan di mana penentuan tersebut dilakukan.

**ii)** Definisi hartanah pelaburan

Lembaga telah mewujudkan kriteria tertentu berdasarkan MPERS 16 dalam membuat pertimbangan sama ada hartanah layak ditakrif sebagai hartanah pelaburan. Hartanah pelaburan adalah harta yang digunakan untuk mendapatkan sewa atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya.

Harta yang disewakan yang sebahagiannya menjadi pusat operasi Lembaga dan sebahagian lagi disewakan, diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika kadar keluasan lantai bangunan yang disewakan melebihi 51% daripada jumlah keluasan lantai bangunan.

**iii)** Jangka hayat dan nilai sisa hartanah, loji dan peralatan

Susutnilai hartanah, loji dan peralatan dinilai berdasarkan kadar tempoh yang sama mengikut anggaran hayat penggunaannya. Pihak pengurusan sentiasa memantau anggaran jangka hayat aset tersebut. Kumpulan akan menilai anggaran nilai sisa dan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan pada setiap tahun termasuklah jangkaan semula sekiranya terdapat dalam satu-satu tempoh masa di mana jumlah yang dijangkakan telah dicaj.

**iv)** Rosot nilai muhibah

Rosot nilai muhibah akan dinilai semula sekurang-kurangnya setahun sekali. Anggaran akan dibuat terhadap tunai yang akan diperhasilkan pada setiap unit yang mewujudkan muhibah tersebut. Anggaran ini memerlukan Kumpulan menilai aliran tunai yang akan terhasil di masa hadapan dan memilih kadar diskaun yang akan ditolak untuk mendapatkan nilai kini muhibah.

**v)** Rosot nilai penghutang

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan dan Lembaga menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah merosot. Bagi menentukan sama ada terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, Kumpulan dan Lembaga mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan ketara oleh penghutang, keingkaran dan kelewatan dalam pembayaran. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan yang dianggarkan berdasarkan kepada sejarah kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang sama.

# 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

KUMPULAN
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Baki Pada 31 Disember 2016 | | Pelarasan Kadar Mata Wang Asing | Baki Selepas Pelarasan Kadar Mata Wang Asing | | Tambahan | | Hapuskira Penjualan | | Hapuskira Pelupusan | | Pengkelasan Semula | | Pelarasan | Pelarasan Tahun Sebelum | Baki Pada 31 Disember 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kos | Penilaian | | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | | | Kos | Penilaian |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Milik Bebas | 16,981,455 | 47,686,548 | 2,577 | 16,978,878 | 47,686,548 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 16,978,878 | 47,686,548 |
| Pegang Pajak | 62,044,870 | 3,613,596 | - | 62,044,870 | 3,613,596 | 790,173 | - | - | - | - | - | 635,869 | - | - | - | 63,470,912 | 3,613,596 |
| Bangunan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Milik Bebas | 65,519,281 | 29,300,308 | 454,169 | 65,065,112 | 29,300,308 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 65,065,112 | 29,300,308 |
| Pegang Pajak | 80,268,523 | 2,948,760 | 93,255 | 80,175,268 | 2,948,760 | 11,532 | - | - | - | - | - | 11,252,588 | - | - | - | 91,439,388 | 2,948,760 |
| Bangunan Pertanian | 1,669,719 | - | - | 1,669,719 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1,669,719 | - |
| Ubahsuaian Bangunan | 10,473,840 | - | - | 10,473,840 | - | 244,215 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 10,718,055 | - |
| Stor | 6,875,751 | - | - | 6,875,751 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 6,875,751 | - |
| Kenderaan | 20,154,104 | - | 8,502 | 20,145,602 | - | 483,769 | - | (939,546) | - | (94,900) | - | - | - | - | - | 19,594,925 | - |
| Alatan Pejabat, Perabot | 47,530,184 | - | 22,361 | 47,507,823 | - | 4,414,877 | - | (44,381) | - | (249,592) | - | 130,392 | - | - | - | 51,759,119 | - |
| Loji, Jentera & Alat Kele | 178,901,286 | - | 468,015 | 178,433,270 | - | 9,374,730 | - | (493,858) | - | (1,249,264) | - | - | - | - | 494,832 | 186,559,710 | - |
| Mesin & Peralatan Lada | 3,276,891 | - | - | 3,276,891 | - | 46,324 | - | - | - | (121,050) | - | - | - | - | - | 3,202,165 | - |
| Kemudahan Infrastruktu | 8,748,231 | - | - | 8,748,231 | - | 374,186 | - | - | - | - | - | 174,669 | - | - | 147,800 | 9,444,886 | - |
| Billboard | 1,935,420 | - | - | 1,935,420 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1,935,420 | - |
| Kerja Dalam Kemajuan | 240,876,454 | - | - | 240,876,454 | - | 48,726,964 | - | - | - | - | - | (12,193,518) | - | (173,531) | - | 277,236,369 | - |
| **Jumlah** | **745,256,008** | **83,549,212** | **1,048,878** | **744,207,130** | **83,549,212** | **64,466,770** | **-** | **(1,477,785)** | **-** | **(1,714,806)** | **-** | **-** | **-** | **(173,531)** | **642,632** | **805,950,410** | **83,549,212** |

| Susutnilai Terkumpul | Baki Pada 31 Disember 2016 | | Pelarasan Kadar Mata Wang Asing | Baki Selepas Pelarasan Kadar Mata Wang Asing | | Caj Semasa | | Pelarasan Kadar Mata Wang Asing | Caj Semasa Dinyatakan Semula | | Hapuskira Penjualan | | Hapuskira Pelupusan | | Pelarasan Susutnilai | Baki Pada 31 Disember 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kos | Penilaian | | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | | Kos | Penilaian |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| Milik Bebas | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Pegang Pajak | 7,704,969 | 1,617,337 | - | 7,704,969 | 1,617,337 | 851,841 | 52,905 | - | 853,382 | 51,364 | - | - | - | - | - | 8,556,810 | 1,670,242 |
| Bangunan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Milik Bebas | 3,967,550 | 14,984,414 | - | 3,967,550 | 14,984,414 | 85,437 | 888,661 | - | 342,059 | 632,039 | - | - | - | - | - | 4,052,987 | 15,873,075 |
| Pegang Pajak | 7,146,430 | 1,836,067 | - | 7,146,430 | 1,836,067 | 1,704,354 | 76,715 | - | 1,759,920 | 21,148 | - | - | - | - | - | 8,850,784 | 1,912,782 |
| Bangunan Pertanian | 1,015,673 | - | - | 1,015,673 | - | 106,099 | - | - | 106,099 | - | - | - | - | - | - | 1,121,772 | - |
| Ubahsuaian Bangunan | 7,895,359 | - | - | 7,895,359 | - | 663,486 | - | - | 663,486 | - | - | - | - | - | - | 8,558,845 | - |
| Stor | 2,302,756 | - | - | 2,302,756 | - | 355,099 | - | - | 355,099 | - | - | - | - | - | - | 2,657,855 | - |
| Kenderaan | 17,573,506 | - | 8,257 | 17,565,249 | - | 1,260,562 | - | - | 1,260,562 | - | (902,239) | - | (94,899) | - | - | 17,828,673 | - |
| Alatan Pejabat, Perabot | 39,518,774 | - | 6,055 | 39,512,719 | - | 3,721,158 | - | 5,326 | 3,715,832 | - | (44,372) | - | (229,884) | - | - | 42,954,295 | - |
| Loji, Jentera & Alat Kele | 120,509,178 | - | 329,645 | 120,179,533 | - | 14,248,871 | - | 63,822 | 14,185,049 | - | (493,852) | - | (1,247,329) | - | - | 132,623,402 | - |
| Mesin & Peralatan Lada | 2,938,817 | - | - | 2,938,817 | - | 146,080 | - | - | 146,080 | - | - | - | (121,037) | - | - | 2,963,860 | - |
| Kemudahan Infrastruktu | 4,310,857 | - | - | 4,310,857 | - | 906,728 | - | - | 906,728 | - | - | - | - | - | - | 5,217,585 | - |
| Billboard | 1,935,418 | - | - | 1,935,418 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1,935,418 | - |
| Kerja Dalam Kemajuan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| **Jumlah** | **216,819,287** | **18,437,818** | **343,957** | **216,475,330** | **18,437,818** | **24,049,715** | **1,018,281** | **69,148** | **24,294,296** | **704,551** | **(1,440,463)** | **-** | **(1,693,149)** | **-** | **-** | **237,322,285** | **19,456,099** |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI 31 DISEMBER 2017

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

KUMPULAN

| Nilai Buku Bersih | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Tanah | | |
| Milik Bebas | 64,665,426 | 64,668,003 |
| Pegang Pajak | 56,857,456 | 56,336,160 |
| Bangunan | | |
| Milik Bebas | 74,439,358 | 75,867,624 |
| Pegang Pajak | 83,624,582 | 74,234,786 |
| Bangunan Pertanian | 547,947 | 654,046 |
| Ubahsuaian Bangunan | 2,159,210 | 2,578,481 |
| Stor | 4,217,896 | 4,572,995 |
| Kenderaan | 1,766,252 | 2,580,597 |
| Alatan Pejabat, Perabot & Kelengkapan | 8,804,825 | 8,011,411 |
| Loji, Jentera & Alat Kelengkapan | 53,936,295 | 58,392,096 |
| Mesin & Peralatan Ladang | 238,305 | 338,074 |
| Kemudahan Infrastruktur | 4,227,301 | 4,437,376 |
| Billboard | 2 | 2 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 277,236,369 | 240,876,454 |
| **Jumlah** | 632,721,225 | 593,548,105 |

Nota Tambahan:

| Tempoh Pajakan Tanah & Bangunan | 2017 | | 2016 | |
|---|---|---|---|---|
| | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian |
| Tanah Pegang Pajak | RM | RM | RM | RM |
| Jangka pendek (kurang 50 tahun) | - | 816,990 | - | 816,990 |
| Jangka panjang (lebih 50 tahun) | 63,470,912 | 2,796,606 | 62,044,870 | 2,796,606 |
| | 63,470,912 | 3,613,596 | 62,044,870 | 3,613,596 |
| Bangunan Pegang Pajak | | | | |
| Jangka pendek (kurang 50 tahun) | 272,848 | 553,300 | 272,848 | 237,000 |
| Jangka panjang (lebih 50 tahun) | 91,166,540 | 2,395,460 | 79,995,675 | 2,711,760 |
| | 91,439,388 | 2,948,760 | 80,268,523 | 2,948,760 |

**Nota :**

Penilaian semula hartanah di TARRC telah dilakukan pada 10 Disember 2015 di mana selepas penilaian dilaksanakan, hartanah di TARRC adalah berharga RM53,030,000 (£9,750,000) manakala hartanah di ELGEM adalah berharga RM6,800,000 (£1,250,000). Penilaian-penilaian ini adalah berdasarkan harga pasaran terbuka dan telah dilaksanakan oleh Derrick Wade Waters, Chartered Surveyors.

## 3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

LEMBAGA
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Baki Dibawa Hadapan | | Tambahan | | Hapuskira Penjualan | | Hapuskira Pelupusan | | Pengkelasan Semula | | Pelarasan | Pelarasan Tahun Lepas | Baki Pada 31 Disember 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | | | Kos | Penilaian |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | | | | | | | | | | | | | | |
| Milik Bebas | 10,229,380 | 47,686,548 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 10,229,380 | 47,686,548 |
| Pegang Pajak | 62,044,870 | 3,613,596 | 790,173 | - | - | - | - | - | 635,869 | - | - | - | 63,470,912 | 3,613,596 |
| Bangunan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Milik Bebas | 21,938,028 | 29,300,308 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 21,938,028 | 29,300,308 |
| Pegang Pajak | 69,991,848 | 2,948,760 | 11,532 | - | - | - | - | - | 11,252,588 | - | - | - | 81,255,968 | 2,948,760 |
| Bangunan Pertanian | 1,669,719 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1,669,719 | - |
| Ubahsuaian Bangunan | 8,052,571 | - | 192,239 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 8,244,810 | - |
| Stor | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Kenderaan | 17,891,138 | - | 471,986 | - | (939,546) | - | (94,900) | - | - | - | - | - | 17,328,678 | - |
| Alatan Pejabat, Perabot & Kelengkap | 43,052,213 | - | 2,692,133 | - | (44,381) | - | (246,070) | - | 130,392 | - | - | - | 45,584,287 | - |
| Loji, Jentera & Alat Kelengkapan | 126,371,632 | - | 7,215,722 | - | (493,858) | - | (1,249,264) | - | - | - | - | 494,832 | 132,339,064 | - |
| Mesin & Peralatan Ladang | 3,093,731 | - | 46,324 | - | - | - | (121,050) | - | - | - | - | - | 3,019,005 | - |
| Kemudahan Infrastruktur | 8,748,231 | - | 374,186 | - | - | - | - | - | 174,669 | - | - | 147,800 | 9,444,886 | - |
| Billboard | 1,935,420 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1,935,420 | - |
| Kerja Dalam Kemajuan | 240,876,454 | - | 46,452,914 | - | - | - | - | - | (12,193,518) | - | (173,531) | - | 274,962,319 | - |
| **Jumlah** | **615,895,235** | **83,549,212** | **58,247,209** | - | **(1,477,785)** | - | **(1,711,284)** | - | - | - | **(173,531)** | **642,632** | **671,422,476** | **83,549,212** |

| Susutnilai Terkumpul | Baki Dibawa Hadapan | | Caj Semasa | | Hapuskira Penjualan | | Hapuskira Pelupusan | | Pengkelasan Semula | | Baki Pada 31 Disember 2017 | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian |
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Tanah | | | | | | | | | | | | |
| Milik Bebas | - | - | - | - | - | - | - | - | | | - | - |
| Pegang Pajak | 7,704,969 | 1,617,337 | 851,841 | 52,905 | - | - | - | - | - | - | 8,556,810 | 1,670,242 |
| Bangunan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Milik Bebas | 3,967,550 | 14,984,414 | 85,437 | 888,661 | - | - | - | - | - | - | 4,052,987 | 15,873,075 |
| Pegang Pajak | 7,146,430 | 1,836,067 | 1,704,354 | 76,715 | - | - | - | - | - | - | 8,850,784 | 1,912,782 |
| Bangunan Pertanian | 1,015,673 | - | 106,099 | - | - | - | - | - | - | - | 1,121,772 | - |
| Ubahsuaian Bangunan | 5,604,028 | - | 580,863 | - | - | - | - | - | - | - | 6,184,891 | - |
| Stor | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| Kenderaan | 15,519,126 | - | 1,228,836 | - | (902,239) | - | (94,899) | - | - | - | 15,750,824 | - |
| Alatan Pejabat, Perabot & Kelengkapan | 37,075,360 | - | 3,223,048 | - | (44,372) | - | (229,884) | - | - | - | 40,024,152 | - |
| Loji, Jentera & Alat Kelengkapan | 83,468,125 | - | 9,780,680 | - | (493,852) | - | (1,247,329) | - | - | - | 91,507,624 | - |
| Mesin & Peralatan Ladang | 2,788,279 | - | 128,391 | - | - | - | (121,037) | - | - | - | 2,795,633 | - |
| Kemudahan Infrastruktur | 4,310,857 | - | 906,728 | - | - | - | - | - | - | - | 5,217,585 | - |
| Billboard | 1,935,418 | - | - | - | - | - | - | - | - | - | 1,935,418 | - |
| Kerja Dalam Kemajuan | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |
| **Jumlah** | **170,535,815** | **18,437,818** | **18,596,277** | **1,018,281** | **(1,440,463)** | - | **(1,693,149)** | - | - | - | **185,998,480** | **19,456,099** |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI 31 DISEMBER 2017

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

LEMBAGA

| Nilai Buku Bersih | 2017 RM | 2016 RM |
|---|---|---|
| Tanah | | |
| Milik Bebas | 57,915,928 | 57,915,928 |
| Pegang Pajak | 56,857,456 | 56,336,161 |
| Bangunan | - | - |
| Milik Bebas | 31,312,274 | 32,286,371 |
| Pegang Pajak | 73,441,162 | 63,981,428 |
| Bangunan Pertanian | 547,947 | 630,729 |
| Ubahsuaian Bangunan | 2,059,919 | 2,432,830 |
| Stor | - | - |
| Kenderaan | 1,577,854 | 2,374,811 |
| Alatan Pejabat, Perabot & Kelengkapan | 5,560,135 | 5,971,680 |
| Loji, Jentera & Alat Kelengkapan | 40,831,440 | 42,905,885 |
| Mesin & Peralatan Ladang | 223,372 | 321,162 |
| Kemudahan Infrastruktur | 4,227,301 | 4,437,375 |
| Billboard | 2 | 2 |
| Kerja Dalam Kemajuan | 274,962,319 | 240,876,454 |
| **Jumlah** | 549,517,109 | 510,470,814 |

Nota Tambahan:

| Tempoh Pajakan Tanah & Bangunan | 2017 | | 2016 | |
|---|---|---|---|---|
| | Kos | Penilaian | Kos | Penilaian |
| Tanah Pegang Pajak | RM | RM | RM | RM |
| Jangka pendek (kurang 50 tahun) | - | 816,990 | - | 816,990 |
| Jangka panjang (lebih 50 tahun) | 63,470,912 | 2,796,606 | 62,044,870 | 2,796,606 |
| | 63,470,912 | 3,613,596 | 62,044,870 | 3,613,596 |
| Bangunan Pegang Pajak | | | | |
| Jangka pendek (kurang 50 tahun) | 272,848 | 553,300 | 272,848 | 553,300 |
| Jangka panjang (lebih 50 tahun) | 80,983,120 | 2,395,460 | 69,719,000 | 2,395,460 |
| | 81,255,968 | 2,948,760 | 69,991,848 | 2,948,760 |

## 4. Pelaburan Hartanah

| | Tanah Milik Bebas | | Tanah Pegang Pajak | | Bangunan Milik Bebas | | Bangunan Pegang Pajak | | Jumlah Keseluruhan | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Kumpulan | Lembaga | Kumpulan | Lembaga | Kumpulan | Lembaga | Kumpulan | Lembaga | Kumpulan | Lembaga |
| **KOS** | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Kos pada 01.01.2017 | 3,070,000 | 3,070,000 | 238,996 | 238,996 | 45,418,699 | 45,418,699 | 6,379,152 | 5,977,278 | 55,106,847 | 54,704,973 |
| Pertambahan | - | - | | - | | - | | - | - | - |
| Kos pada 31.12.2017 | 3,070,000 | 3,070,000 | 238,996 | 238,996 | 45,418,699 | 45,418,699 | 6,379,152 | 5,977,278 | 55,106,847 | 54,704,973 |
| **SUSUT NILAI TERKUMPUL** | | | | | | | | | - | - |
| Susut Nilai Terkumpul pada 01.01.2017 | - | - | 67,594 | 67,594 | 25,899,667 | 25,899,667 | 1,860,808 | 1,839,514 | 27,828,069 | 27,806,775 |
| Susut nilai bagi tahun 2017 | - | - | 2,414 | 2,414 | 908,374 | 908,374 | 129,984 | 108,690 | 1,040,772 | 1,019,478 |
| Susut nilai pada 31.12.2017 | - | - | 70,008 | 70,008 | 26,808,041 | 26,808,041 | 1,990,792 | 1,948,204 | 28,868,841 | 28,826,253 |
| | | | | | | | | | - | - |
| **NILAI BUKU BERSIH** | | | | | | | | | - | - |
| Nilai Buku Bersih pada 31.12.2017 | 3,070,000 | 3,070,000 | 168,988 | 168,988 | 18,610,658 | 18,610,658 | 4,388,360 | 4,029,074 | 26,238,006 | 25,878,720 |
| Nilai Buku Bersih pada 31.12.2016 | 3,070,000 | 3,070,000 | 171,402 | 171,402 | 19,519,032 | 19,519,032 | 4,518,343 | 4,137,763 | 27,278,777 | 26,898,197 |

## 5. Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Hartanah

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 | 2016 | 2017 | 2016 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Kos pada 1 Januari | 54,172,416 | 25,123,396 | 54,172,416 | 25,123,396 |
| Pertambahan | - | 29,049,020 | - | 29,049,020 |
| Kos pada 31 Disember | 54,172,416 | 54,172,416 | 54,172,416 | 54,172,416 |
| Nilai Buku Bersih: | | | | |
| Tanah milik bebas | 54,172,416 | 54,172,416 | 54,172,416 | 54,172,416 |
| | 54,172,416 | 54,172,416 | 54,172,416 | 54,172,416 |

## 6. PELABURAN DALAM PERBADANAN – PERBADANAN LEMBAGA

| **Lembaga** | **2017**<br>**RM** | **2016**<br>**RM** |
|---|---|---|
| Dana pelaburan di dalam Perbadanan – pada kos: | | |
| LGM Properties Corporation | 2,000,000 | 2,000,000 |

Perbadanan – perbadanan Lembaga adalah seperti berikut :

| **Nama Perbadanan** | **Negara Diperbadankan** | **Kepentingan Ekuiti Berkesan** | **Aktiviti-aktiviti Utama** |
|---|---|---|---|
| LGM Properties Corporation | Malaysia | Milikan penuh | Pengurusan hartanah dan perladangan. |
| Tun Abdul Razak Research Centre* (*Limited by Guarantee*) | United Kingdom | Berdasarkan milikan majoriti dalam Lembaga Pengarah | Menjalankan penyelidikan saintifik dan pembangunan teknologi berkaitan industri getah serta mempromosikan dan menggalakkan penyertaan antarabangsa dalam industri getah Malaysia melalui persidangan antarabangsa, penganjuran seminar dan pameran. |
| MRB London Representatives* | United Kingdom | Wakil mutlak dalam Lembaga Pengarah | Pejabat Lembaga Pengarah Lembaga Getah Malaysia di United Kingdom. |

| Nama Perbadanan | Negara Diperbadankan | Kepentingan Ekuiti Berkesan | Aktiviti-aktiviti Utama |
|---|---|---|---|
| Elgem Technology* (*Limited by Guarantee*) | United Kingdom | Berdasarkan milikan majoriti dalam Lembaga Pengarah | Menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan komersial berkaitan industri getah Malaysia. |

**Penyata Kewangan bagi Tun Abdul Razak Research Centre, MRB London Representatives dan Elgem Technology tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara.*

**PENGGULUNGAN EK POLYMERS SDN BHD DAN RRIM CONSULT MALAYSIA CORPORATION (RRIMCORP)**

LGM telah melantik KPMG Management & Risk Consulting Sdn Bhd (KPMG) untuk membuat kajian mengenai penstrukturan semula LGM. Berdasarkan laporan daripada KPMG, mesyuarat Lembaga LGM kali ke-86 pada 6 Mei 2014 bersetuju supaya EK Polymers Sdn Bhd digulungkan secara semulajadi kerana syarikat ini adalah dorman.

RRIMCORP telah digulungkan melalui Perintah Perbadanan RRIM-Consult Corporation (Penggulungan dan Pembubaran) 2015 yang diwartakan pada 15 November 2015. Manakala, Ek Polymers Sdn Bhd masih di dalam proses penggulungan.

## 7. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN LADANG

Perbelanjaan ini merupakan perbelanjaan pembangunan ladang yang meliputi ladang – ladang di Bukit Ibam dan Bukit Kuantan di Pahang, Panti dan Penawar di Johor, Similajau di Sarawak serta Begia dan Sungai Sari di Kedah. Butir-butirnya adalah seperti berikut:

## Nilai Pembangunan Ladang Tahun 2017
## Kumpulan

| | Kos Asal | Tambahan Perbelanjaan Terkumpul | Pelarasan (Stok Barang Pakai) Terkumpul | **Tolak :** Perlunasan Tahun 2016 | **Tolak :** Perlunasan Terkumpul 1.1.2016 | Pelarasan (Stok Barang Pakai) Tahun 2016 | Nilai Pembangunan 31.12.2016 | Tambahan Tahun 2017 | **Tolak :** Perlunasan Tahun 2017 | Pelarasan (Stok Barang Pakai) Tahun 2017 | Nilai Pembangunan 31.12.2017 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **(RM)** | **(RM)** | | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** |
| Fasa 5 Bukit Ibam | 1,627,777 | - | - | 65,111 | 1,302,221 | - | 260,445 | - | 65,111 | - | 195,334 |
| Fasa 6 Bukit Ibam | 1,744,280 | - | - | 69,771 | 1,395,432 | - | 279,077 | - | 69,771 | - | 209,306 |
| Fasa 7 Bukit Ibam | 1,415,883 | - | - | 56,635 | 1,019,432 | - | 339,816 | - | 56,635 | - | 283,181 |
| Bahagian Penawar | 3,986,257 | - | - | 265,750 | 1,594,500 | - | 2,126,007 | - | 265,750 | - | 1,860,257 |
| Panti | 523,974 | - | - | 20,959 | 293,425 | - | 209,590 | - | 20,959 | - | 188,631 |
| Fasa 1 Stesen Similajau | 5,983,145 | - | - | 664,794 | 3,323,970 | - | 1,994,381 | - | 664,794 | - | 1,329,587 |
| Fasa 2 Stesen Similajau | 9,808,365 | 192,164 | - | 398,665 | - | - | 9,601,864 | - | 398,666 | - | 9,203,198 |
| Ladang Sungai Sari | 5,857,020 | 3,905,242 | (84,056) | - | - | 279,402 | 9,957,608 | 341,961 | - | 11,122 | 10,310,691 |
| Ladang Bukit Kuantan | 8,448,969 | 4,643,174 | (27,726) | - | - | 233,547 | 13,297,964 | - | 851,713 | 44,209 | 12,490,460 |
| Fasa 1 Ladang Pahang Tenggara | 4,032,131 | 83,986 | - | - | - | - | 4,116,117 | - | - | - | 4,116,117 |
| Ladang Begia (Getah) | 640,700 | - | - | - | - | - | 640,700 | - | - | - | 640,700 |
| Ladang Pahang Tenggara (Getah) | - | 982,951 | - | - | - | - | 982,951 | - | - | - | 982,951 |
| Ladang Pahang Tenggara (Sawit) | 88,837 | 291,534 | - | - | - | - | 380,371 | - | - | - | 380,371 |
| Ladang Begia (Sawit) | 57,149 | - | - | - | - | - | 57,149 | - | - | - | 57,149 |
| **Penyelenggaraan (Tanam Semula)** | | | | | | | | | | | |
| Ladang Pahang Tenggara | 1,784,108 | 2,773,589 | - | - | - | - | 4,557,697 | 523,875 | - | - | 5,081,572 |
| Ladang Begia | 167,877 | 151,010 | - | - | - | - | 318,887 | 19,519 | - | - | 338,406 |
| **Penyelenggaraan Ladang (Kawasan Sawit Muda)** | | | | | | | | | | | |
| Ladang Pahang Tenggara | 73,116 | 163,580 | - | - | - | - | 236,696 | 22,980 | - | - | 259,676 |
| Ladang Begia | 34,943 | 13,904 | - | - | - | - | 48,847 | - | - | - | 48,847 |
| Ladang Panti | - | 4,670 | - | - | - | - | 4,670 | 90 | - | - | 4,760 |
| Ladang Penawar | - | 3,760 | - | - | - | - | 3,760 | - | - | - | 3,760 |
| | 46,274,531 | 13,209,564 | (111,782) | 1,541,685 | 8,928,980 | 512,949 | 49,414,597 | 908,425 | 2,393,399 | 55,331 | 47,984,954 |

## Nilai Pembangunan Ladang Tahun 2017
## Lembaga

| | Kos Asal | Tambahan Perbelanjaan Terkumpul | Pelarasan (Stok Barang Pakai) Terkumpul | **Tolak :** Perlunasan Terkumpul 1.1.2016 | **Tolak :** Perlunasan Tahun 2016 | Pelarasan (Stok Barang Pakai) Tahun 2016 | Nilai Pembangunan 31.12.2016 | Tambahan Tahun 2017 | **Tolak :** Perlunasan Tahun 2017 | Pelarasan (Stok Barang Pakai) Tahun 2017 | Nilai Pembangunan 31.12.2017 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | **(RM)** | **(RM)** | | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** | **(RM)** |
| Fasa 5 Bukit Ibam | 1,627,777 | - | - | 1,302,221 | 65,111 | - | 260,445 | - | 65,111 | - | 195,334 |
| Fasa 6 Bukit Ibam | 1,744,280 | - | - | 1,395,431 | 69,771 | - | 279,078 | - | 69,771 | - | 209,307 |
| Fasa 7 Bukit Ibam | 1,415,883 | - | - | 1,019,432 | 56,635 | - | 339,816 | - | 56,635 | - | 283,181 |
| Bahagian Penawar | 3,986,257 | - | - | 1,594,500 | 265,750 | - | 2,126,007 | - | 265,750 | - | 1,860,257 |
| Panti | 523,974 | - | - | 293,425 | 20,959 | - | 209,590 | - | 20,959 | - | 188,631 |
| Fasa 1 Stesen Similajau | 5,983,145 | - | - | 3,323,970 | 664,794 | - | 1,994,381 | - | 664,794 | - | 1,329,587 |
| Fasa 2 Stesen Similajau | 10,000,529 | - | - | - | 398,666 | - | 9,601,863 | - | 398,666 | - | 9,203,197 |
| Ladang Sungai Sari | 5,857,020 | 3,905,242 | 4,392 | - | - | 190,954 | 9,957,608 | 341,961 | - | 11,122 | 10,310,691 |
| Fasa 1 Bukit Kuantan | 7,665,421 | - | - | - | - | - | 7,665,421 | - | 851,713 | - | 6,813,708 |
| Fasa 2 Bukit Kuantan | 783,548 | 4,643,174 | 127,369 | - | - | 78,452 | 5,632,543 | - | - | 44,209 | 5,676,752 |
| | 39,587,834 | 8,548,416 | 131,761 | 8,928,979 | 1,541,686 | 269,406 | 38,066,752 | 341,961 | 2,393,399 | 55,331 | 36,070,644 |

## 8. INVENTORI

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Stok Getah | 14,404 | - | 14,404 | - |
| Baja, Racun dan Bahan Kimia Tanaman | 1,160,621 | 1,122,427 | 1,066,881 | 700,954 |
| Bahan Tanaman | 11,187 | 11,187 | 11,187 | 11,187 |
| | **1,186,212** | **1,133,614** | **1,092,472** | **712,141** |

## 9. PENGHUTANG KAKITANGAN

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | **2017 (RM)** | **2016 (RM)** | **2017 (RM)** | **2016 (RM)** |
| Pinjaman kenderaan* | | | | |
| Jangka Pendek (<12 Bulan) | 389,610 | 314,615 | 389,610 | 314,615 |
| Jangka Panjang (>12 Bulan) | 1,277,039 | 1,059,436 | 1,277,039 | 1,059,436 |
| Pinjaman komputer* | | | | |
| Jangka Pendek (<12 Bulan) | 111,376 | 112,639 | 111,376 | 112,639 |
| Jangka Panjang (>12 Bulan) | 120,506 | 128,613 | 120,506 | 128,613 |
| Pinjaman perumahan** | | | | |
| Jangka Panjang (>12 Bulan) | 7,805 | 9,115 | - | - |
| Pinjaman biasiswa*** | | | | |
| Jangka Pendek (<12 Bulan) | 164,525 | 124,560 | 164,525 | 124,560 |
| Jangka Panjang (>12 Bulan) | 1,532,380 | 106,839 | 1,532,380 | 106,839 |
| Pinjaman am | 388,986 | 109,292 | 375,395 | 89,197 |
| | **3,992,227** | **1,965,109** | **3,970,831** | **1,935,899** |

* Faedah dikenakan kepada peminjam pada kadar 4% setahun. Tempoh pembayaran balik bagi pinjaman kenderaan adalah sehingga had maksimum 8 tahun atau 96 bulan bagi kenderaan terpakai manakala sehingga had maksimum 9 tahun atau 108 bulan bagi kenderaan baru sebagaimana tercatat di dalam perjanjian.

* Tempoh pembayaran balik bagi pinjaman komputer adalah sehingga had maksimum 4 tahun atau 48 bulan sebagaimana tercatat di dalam perjanjian.

** Pinjaman perumahan yang diberi kepada kakitangan hanya 10 % daripada kos rumah.

*** Pengiraan pinjaman jangka panjang dikira berdasarkan nilai semasa dengan kadar diskaun 4% setahun.

Kaedah pembayaran balik adalah melalui potongan gaji bulanan peminjam-peminjam berkenaan.

## 10. PENGHUTANG DAGANGAN DAN LAIN-LAIN

| | | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2017 (RM)** | **2016 (RM)** | **2017 (RM)** | **2016 (RM)** |
| Penghutang Dagangan: | | 3,873,721 | 4,180,663 | 920,289 | 1,370,693 |
| **Tolak :** Peruntukan Hutang Ragu | | (340,741) | (329,957) | (283,849) | (294,182) |
| | | **3,532,980** | **3,850,706** | **636,440** | **1,076,511** |
| LGM Properties Corporation | | - | - | 381,282 | 1,291,689 |
| TARRC | | - | - | - | 2,627 |
| ELGEM Technology | | - | - | 220 | - |
| EK Polymers Sdn Bhd | | - | - | - | 150 |
| Pendapatan Terakru Kutipan Ses | | 2,362,688 | - | 2,362,688 | - |
| Tunggakan daripada perlaksanaan Skim Pencen TARRC | ** | - | 1,768,098 | - | - |
| Penghutang peminjam Biasiswa Sijil | | | | | |
| *Jangka Pendek* | | 26,653 | 24,602 | 26,653 | 24,602 |
| *Jangka Panjang* | | 133,300 | 159,071 | 133,300 | 159,071 |
| Penghutang Mekanisme Harga Getah | *** | | | | |
| *Jangka Pendek* | | 639,080 | 447,307 | 639,080 | 447,307 |
| *Jangka Panjang* | | 833,484 | 469,143 | 833,484 | 469,143 |
| Lain-lain Penghutang | | 174,730 | 671,377 | 61,744 | 509,966 |
| | | **7,702,915** | **7,390,304** | **5,074,891** | **3,981,066** |

* Tempoh pembayaran balik hutang belum terima dagangan adalah dalam tempoh 30 hari dari tarikh inbois dikeluarkan.

** Tunggakan daripada perlaksaaan Skim Pencen TARRC merupakan sumbangan belum terima daripada LGM bagi membantu menangani defisit skim pencen TARRC. Sumbangan ini adalah untuk jangka masa 10 tahun.

*** Pada tahun 2017, sebanyak 11 koperasi yang menjual beli getah telah diluluskan permohonan dengan kemudahan pembiayaan sebanyak RM1,230,600 (2016: 4 koperasi; RM370,000). Pinjaman diuruskan oleh Agrobank di mana setiap pinjaman oleh koperasi dikenakan caj pinjaman sebanyak 3.75% setahun.

**** Pengiraan pinjaman jangka panjang dikira berdasarkan nilai semasa dengan kadar diskaun 4% setahun.

## 11. PEMBAYARAN PENDAHULUAN, DEPOSIT DAN FAEDAH TERAKRU

Item-item ini adalah termasuk perkara-perkara berikut: -

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Pembayaran pendahuluan kepada LR bagi membiayai Projek RMK10 | - | - | 1,642,828 | 1,970,900 |
| Pembayaran Pendahuluan ke Jabatan Kerja Raya (JKR) | 7,040,800 | 7,040,800 | 7,040,800 | 7,040,800 |
| Pendahuluan IPG kepada Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) | 596,671 | 2,487,766 | 596,671 | 2,487,766 |
| Pembayaran awal BMT kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)* | 2,265,600 | - | 2,265,600 | - |
| Pembayaran awal BMT kepada Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)* | 2,125,600 | - | 2,125,600 | - |
| Pendahuluan IPG kepada Jabatan pertanian Sarawak (JPS) | 101,049 | - | 101,049 | - |
| Pembayaran awal BMT kepada Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS) | 10,159,800 | - | 10,159,800 | - |
| Pembayaran awal BMT kepada pekebun-pekebun kecil Semenanjung* | 41,346,600 | - | 41,346,600 | - |
| Lain-lain pendahuluan | 2,589,869 | 1,714,462 | 2,289,420 | 1,416,533 |
| | **66,225,989** | **11,243,028** | **67,568,368** | **12,915,999** |

Nota:

BMT : Bantuan Musim Tengkujuh
IPG : Insentif Pengeluaran Getah

* Pembayaran awal BMT merujuk kepada pembayaran BMT bulan Januari 2018 yang sepatutnya dibayar mulai 1 Januari 2018, tetapi dibayar pada penghujung Disember 2017 bagi mengelakkan kelewatan terimaan bayaran oleh pekebun-pekebun kecil yang layak.

## 12. SIMPANAN TETAP, WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Deposit Dengan Institusi Kewangan | 1,626,930,449 | 1,715,692,681 | 1,586,997,467 | 1,680,159,699 |
| Wang Tunai dan Baki di Bank | 163,973,362 | 69,127,289 | 146,915,002 | 49,072,368 |
| Wang Tunai Dalam Transit | - | 6,441 | - | 6,441 |
| | 1,790,903,811 | 1,784,826,411 | 1,733,912,469 | 1,729,238,508 |

Simpanan tetap, wang tunai dan baki di bank adalah pelaburan jangka pendek Kumpulan dan Lembaga dan didepositkan di institusi - institusi kewangan yang diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia serta di Bank Barclays dan CIMB cawangan United Kingdom bagi perbadanan-perbadanan asing Lembaga.

Kadar faedah efektif dan kematangan bagi simpanan tetap adalah 3.50% hingga 4.10% (3.10% hinga 4.20% pada tahun 2016) setahun. Tempoh matang simpanan tetap ini adalah antara 30 hari hingga 365 hari.

## 13. DEPOSIT, WANG TAHANAN DAN LAIN-LAIN

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Deposit Dipegang | 829,966 | 3,702,617 | 829,966 | 859,900 |
| Deposit Kerja & Wang Tahanan | 10,298,031 | 9,742,903 | 9,945,218 | 9,371,458 |
| Projek Pembangunan Jalan Ladang oleh Pekebun Kecil Persendirian Sarawak | 2,258,720 | 5,000,362 | 2,258,720 | 5,000,362 |
| Lain-lain Tanggungan Pelbagai | 3,501,752 | 2,071,511 | 3,501,752 | 1,512,462 |
| | 16,888,469 | 20,517,393 | 16,535,656 | 16,744,182 |

## 14. PROJEK USAHASAMA HARTANAH DI KUALA LUMPUR

### 14.1 LOT 5 DAN LOT 211 JALAN AMPANG

Pada 3 Mei 2013, Lembaga telah menandatangani perjanjian usahasama untuk membangunkan Lot 5 dan Lot 211 Jalan Ampang seluas 5.751 ekar. Projek ini dilaksanakan bersama syarikat Pedoman Ikhtisas Sdn Bhd (anak syarikat milik penuh Global Oriental Berhad). Nilai pulangan kepada Lembaga adalah sebanyak RM267,250,000 sebagaimana perincian di bawah

a) Tunai – RM20 juta telah dibayar dua (2) kali iaitu sejumlah RM5 juta semasa perjanjian ditandatangani dan baki RM15 juta dibayar selepas kelulusan membangun *(Development Order)* diperolehi daripada pihak berkuasa tempatan.

b) Sebuah bangunan pejabat bernilai RM247,250,000.

Satu perjanjian tambahan telah ditandatangani pada 18 Disember 2015 bagi membenarkan perlanjutan masa kepada pemaju bagi membolehkan mereka memenuhi semua *conditions precedent* dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan perjanjian asal. Sebagai balasan perlanjutan masa tersebut, pemaju akan memberikan tambahan ruang pejabat bernilai RM20,000,000 kepada LGM. Ini akan menjadikan jumlah keseluruhan pulangan kepada LGM adalah RM287,250,000.

Tanah bagi tujuan pembangunan ini tidak mempunyai syarat dan permohonan penukaran syarat tanah telah dikemukan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan pada 15 Februari 2016. Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang bermesyuarat pada 2 Jun 2016 telah meluluskan permohonan menukar status tanah daripada 'tidak dinyatakan' kepada 'komersil'. LGM perlu menjelaskan premium tanah berjumlah RM29,549,019.57 bagi tujuan penukaran syarat tanah sebelum atau pada 27 April 2017 dimana sebanyak RM500,000.00 akan ditanggung oleh Pedoman Ikhtisas Sdn Bhd seperti mana di dalam perjanjian.

Tunai RM20 juta telah diiktiraf sebagai hasil pada tahun 2017 setelah semua *conditions precedent* di dalam perjanjian usahasama telah dipenuhi pada 23 November 2017.

## 14.2 LOT 76 JALAN AMPANG

Pada 20 April 2016, Lembaga telah menandatangani perjanjian usahasama untuk membangunkan Lot 76 Jalan Ampang seluas 5.179 ekar. Projek ini dilaksanakan bersama syarikat Landasan Bayu Sdn Bhd. Nilai pulangan kepada Lembaga adalah sebanyak RM299,852,486 yang merangkumi tunai berjumlah RM20,397,597, bangunan pejabat bernilai RM259,140,750 dan pangsapuri servis bernilai RM19,994,136.

## 15. PERUNTUKAN PENANGGUHAN SEMENTARA KUTIPAN SES GETAH (PSG)

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-cara meningkatkan Pekebun Kecil Industri Komoditi telah bersetuju menangguhkan kutipan ses getah di Semenanjung Malaysia mulai bulan Mei 2016 apabila harga getah SMR20 berada di paras RM5.50 se kilogram dan ke bawah. Kadar penangguhan ses adalah 14 sen sekilogram iaitu 10 sen ses tanam semula dan 4 sen ses penyelidikan dan pembangunan.

Sepanjang tahun 2016 sejumlah RM203,220 telah dipulangkan semula kepada pekebun kecil getah. Pemulangan ini disalurkan melalui RISDA yang menguruskan PSG.

## 16. GERAN TERTUNDA

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Geran Pembangunan | 196,776,656 | 175,359,221 | 193,974,560 | 171,846,679 |
| Geran Insentif Pengeluaran Getah (IPG) | 29,395,911 | 70,467,538 | 29,395,911 | 70,467,538 |
| Geran Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) | 180,427,800 | - | 180,427,800 | - |
| Geran Skim Kluster Lateks | 9,970,981 | 10,000,000 | 9,970,981 | 10,000,000 |
| | 416,571,348 | 255,826,759 | 413,769,252 | 252,314,217 |

## 16.1 GERAN PEMBANGUNAN

Pengasingan Geran Pembangunan Rancangan Malaysia (RMK) dan Geran dari peruntukan yang diterima dari Kementerian Sains,Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hanya mula dilakukan pada tahun 2006 iaitu tahun bermulanya Rancangan Malaysia ke-9. Sebelum ini, geran ini telah digabungkan di dalam Kumpulan Wang Terkumpul Lembaga.

Berikut adalah pecahan Geran Pembangunan:

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Geran Pembangunan RMK11 | 19,761,838 | 8,276,976 | 19,761,838 | 8,276,976 |
| Geran NKEA RMK11 | 19,307,135 | 2,726,839 | 19,307,135 | 2,726,839 |
| Geran Pembangunan RMK10 | 73,853,026 | 76,254,599 | 71,050,930 | 72,742,057 |
| Geran Pembangunan RMK9 | 39,807,999 | 43,744,713 | 39,807,999 | 43,744,713 |
| Geran MOSTI | 372,888 | 406,822 | 372,888 | 406,822 |
| Geran NKEA | 39,114,970 | 43,490,603 | 39,114,970 | 43,490,603 |
| Geran LITS 3 | 261,228 | 458,669 | 261,228 | 458,669 |
| Baki Geran RMK | 4,297,572 | - | 4,297,572 | - |
| | 196,776,656 | 175,359,221 | 193,974,560 | 171,846,679 |

## GERAN PEMBANGUNAN RMK11

| | Kumpulan/Lembaga | |
|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Baki 1 Januari | 8,276,976 | - |
| ***Campur:*** | | |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | 14,471,450 | 8,752,300 |
| ***Tolak : Geran Pembangunan Dilunaskan*** | | |
| Perbelanjaan Operasi | (2,596,540) | (303,492) |
| Susut nilai | (390,048) | (171,832) |
| Baki 31 Disember | 19,761,838 | 8,276,976 |

## GERAN NKEA RMK11

| | Kumpulan/Lembaga | |
|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Baki 1 Januari | 2,726,839 | - |
| ***Campur:*** | | |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | 17,300,000 | 3,310,000 |
| ***Tolak : Geran NKEA Dilunaskan*** | | |
| Perbelanjaan Operasi | (132,347) | (480,240) |
| Susut nilai | (587,357) | (102,921) |
| Baki 31 Disember | 19,307,135 | 2,726,839 |

## GERAN PEMBANGUNAN RMK10

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Baki 1 Januari | 76,254,599 | 87,438,841 | 72,742,057 | 80,161,052 |
| ***Campur:*** | | | | |
| Pelarasan Perbelanjaan | 2,772,146 | - | 2,772,146 | - |
| ***Tolak : Geran Pembangunan Dilunaskan*** | | | | |
| Perbelanjaan Operasi | (64,611) | (8,797,427) | (2,866,707) | (5,284,885) |
| Pindahan baki | (99,087) | - | (99,087) | - |
| Susut nilai | (5,010,021) | (2,386,815) | (1,497,479) | (2,134,110) |
| Baki 31 Disember | 73,853,026 | 76,254,599 | 71,050,930 | 72,742,057 |

## GERAN PEMBANGUNAN RMK9

| | Kumpulan/Lembaga | |
|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Baki 1 Januari | 43,744,713 | 49,221,445 |
| Pindahan ke Kumpulan Wang Mengurus | - | (2,638,101) |
| ***Tolak : Geran Pembangunan Dilunaskan*** | | |
| Perbelanjaan Operasi | (851,713) | - |
| Susut nilai | (3,082,120) | (2,838,631) |
| Pelupusan harta | (2,881) | - |
| Baki 31 Disember | 39,807,999 | 43,744,713 |

## GERAN PROJEK KEMENTERIAN SAINS,TEKNOLOGI & INOVASI (MOSTI) RMK9

| | Kumpulan/Lembaga | |
|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Baki 1 Januari | 406,822 | 441,865 |
| Pindahan ke Kumpulan Wang Mengurus | - | (30,827) |
| ***Tolak : Geran MOSTI Dilunaskan*** | | |
| Pelupusan Harta | - | (252) |
| Perbelanjaan Operasi | (33,934) | - |
| Susut nilai | - | (3,964) |
| Baki 31 Disember | 372,888 | 406,822 |

## GERAN BIDANG EKONOMI UTAMA NEGARA (NKEA)

| | Kumpulan/Lembaga | |
|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Baki 1 Januari | 43,490,603 | 41,855,775 |
| ***Campur:*** | | |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | - | 5,000,000 |
| ***Tolak : Geran NKEA Dilunaskan*** | | |
| Perbelanjaan Operasi | (3,413,310) | (2,363,455) |
| Pelupusan Harta | - | (330,001) |
| Susut nilai | (962,323) | (671,716) |
| Baki 31 Disember | 39,114,970 | 43,490,603 |

## GERAN LITS 3

| | Kumpulan/Lembaga | |
|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Baki 1 Januari | 458,669 | 458,669 |
| ***Tolak: Geran LITS 3 Dilunaskan*** | | |
| Pelarasan Perbelanjaan Operasi | (197,441) | - |
| Baki 31 Disember | 261,228 | 458,669 |

## BAKI GERAN PEMBANGUNAN RMK

| | Kumpulan/Lembaga |
|---|---|
| | 2017 (RM) |
| Pindahan daripada Kumpulan Wang Mengurus | 5,077,053 |
| Pindahan daripada Geran Pembangunan RMK10 | 99,087 |
| ***Tolak: Baki Geran Pembangunan Dilunaskan*** | |
| Perbelanjaan Operasi | (615,860) |
| Susut nilai | (262,709) |
| Baki 31 Disember | 4,297,572 |

## 16.2 GERAN INSENTIF PENGELUARAN GETAH (IPG)

YAB Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2015 telah mengumumkan bahawa sejumlah RM100 juta diperuntukkan kepada Lembaga Getah Malaysia untuk melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Dalam hal ini, pada 17 Oktober 2014, Kabinet telah bersetuju menggunakan mekanisma pelaksanaan IPG. Pekebun kecil getah di negara ini akan menerima bayaran insentif sebanyak RM0.60 ke atas setiap kilogram *cuplumps* dan getah keping (100% kandungan getah kering – KGK) atau RM0.90 ke atas setiap kilogram lateks (100% KGK) yang dijual apabila purata harga bulanan getah gred SMR20 berada di Paras Harga Pengaktifan (PHP) iaitu RM4.60/kg dan ke bawah.

Tujuan pelaksanaan IPG ini adalah bagi mengurangkan beban ekonomi pekebun kecil dengan menambah pendapatan para pekebun kecil getah di luar bandar; dan mengukuhkan pembangunan industri hiliran getah terutamanya dari segi memastikan bekalan bahan mentah yang mencukupi bagi industri hiliran.

Pada bulan Julai 2015, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menaikkan PHP SMR20 kepada RM5.10 dan ke bawah atau purata bulanan harga *cuplumps* (50% KGK) berada di PHP iaitu RM2.00/kg dan ke bawah. PHP baru ini dilaksanakan mulai 1hb September 2015. Kadar insentif yang diterima oleh pekebun kecil berdasarkan kepada purata harga di ladang *cuplumps* dan jenis getah yang dikeluarkan.

YAB Menteri Kewangan semasa pembentangan Bajet 2016 pada 21 Oktober 2016 telah mengumumkan bahawa sejumlah tambahan RM100 juta diperuntukkan kepada Lembaga Getah Malaysia untuk melaksanakan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Ini menjadikan peruntukan IPG meningkat kepada RM 200 juta dan sehingga 31 Disember 2016, sebanyak RM130 juta telah disalurkan oleh Kementerian Kewangan bagi tujuan pembayaran IPG. Selain daripada itu, PHP SMR20 dinaikkan kepada RM5.50 dan ke bawah atau purata bulanan harga *cuplumps* (50% KGK) berada di PHP iaitu RM2.20/kg dan ke bawah. PHP baru ini dilaksanakan mulai 1hb Januari 2016.
Mekanisme tuntutan IPG adalah seperti berikut; pemberian IPG pada bulan semasa adalah berdasarkan purata harga getah SMR 20 FOB atau purata harga *cuplump* pada bulan sebelumnya. Bagi Semenanjung Malaysia, IPG akan diuruskan oleh Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi pekebun kecil individu. Manakala, bagi pekebun kecil berkelompok,LGM akan dibantu oleh agensi pelaksana iaitu FELDA, FELCRA dan RISDA. Di Sabah, IPG akan diuruskan oleh Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS), dan di Sarawak pula oleh Jabatan Pertanian Sarawak (JPS) dan LGM. Pekebun kecil boleh membuat tuntutan di mana-mana pejabat wilayah LGM di Semenanjung dan JPS di Sarawak dengan mengemukakan resit rasmi jualan dan Permit Autoriti Urusniaga Pekebun Kecil Getah (PAT-G). Bagi tuntutan IPG di Sabah, LIGS akan menggunakan.laporan senarai tuntutan pembayaran IPG yang dijana daripada Sistem Pembelian Getah LIGS.

Jadual di bawah adalah pecahan kadar tuntutan IPG dibuat:

**Pembayaran Tuntutan IPG**

| | **Kumpulan/Lembaga** | |
|---|---|---|
| | **2017 (RM)** | **2016 (RM)** |
| Semenanjung | 3,393,092 | 41,949,930 |
| Sarawak | 28,939 | 395,318 |
| Sabah | 4,080,422 | 17,539,274 |
| | **7,502,453** | **59,884,522** |

## 16.3 GERAN SKIM KLUSTER LATEKS

Skim Pengeluaran lateks adalah geran yang disalurkan oleh kerajaan kepada LGM berjumlah RM10 juta. Geran ini adalah bertujuan untuk meningkatkan penghasilan lateks tempatan. Geran ini telah disalurkan secara rasmi kepada pihak LGM pada 4 Februari 2016

Geran ini akan diperuntukkan bagi membina Pusat Mengumpul getah (PMG) di beberapa lokasi RRIMINIS LGM yang terpilih. Kawasan-kawasan ini dipilih berdasarkan potensi mereka untuk menghasilkan lateks di mana pekebun kecil boleh melakukan urusan jual beli lateks di sini. Pada peringkat awal, kawasan yang akan terlibat dengan penghasilan lateks ini adalah 7,000 hektar dengan melibatkan sekitar 3500 pekebun kecil. Semasa tempoh permulaan ini bantuan kemudahan kepada pekebun kecil bagi menghasilkan lateks seperti bekas mengumpul lateks akan diberikan kepada setiap pekebun kecil yang terlibat. Bekas lateks ini akan digunakan bagi mengumpul lateks di ladang dan untuk membawa lateks ke PMG. Setiap PMG akan mempunyai kapasiti menyimpan 10,000 kg lateks dari ladang (field latex) dengan kos pembinaan RM150,000 bagi setiap PMG. Antara kawasan ini termasuk 5 RRIMINIS LGM iaitu di Seri Iskandar, Bukit Kuantan, Jasin, Gua Musang dan Tok Dor. Selain itu kawasan yang berpotensi untuk menghasilkan lateks seperti di Gerik Perak, Negeri Sembilan, Segamat, Johor juga akan dibina PMG bagi tujuan yang sama.

| | Kumpulan/Lembaga | |
|---|---|---|
| | **2017 (RM)** | **2016 (RM)** |
| Baki 1 Januari | 10,000,000 | - |
| ***Campur :*** | | |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | - | 10,000,000 |
| ***Tolak : Geran Skim Kluster Lateks Dilunaskan*** | | |
| Perbelanjaan Operasi | (10,882) | - |
| Susut nilai | (18,137) | - |
| Baki 31 Disember | 9,970,981 | 10,000,000 |

## 16.4 GERAN BANTUAN MUSIM TENGKUJUH (BMT)

Semasa pembentangan Bajet 2017, kerajaan telah mengumumkan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) sebanyak RM200 sebulan bagi tiga (3) bulan pada November dan Disember 2017 serta Januari 2018 yang dijangka akan memanfaatkan lebih kurang 440,000 orang pekebun kecil dan penoreh getah di seluruh Malaysia.

Pada bulan Oktober 2017, pihak Lembaga telah menerima peruntukan geran berjumlah RM261 juta sebagai dana permulaan bagi pembayaran BMT. Dana tambahan berjumlah RM36 juta telah dipindahkan daripada dana IPG pada November 2017 menjadikan jumlah keseluruhannya adalah RM297 juta. Tuntutan Bayaran BMT berjumlah RM200 sebulan dibayar kepada pekebun-pekebun kecil getah yang berdaftar bagi bulan November 2017, Disember 2017 dan Januari 2018. Tarikh mula pembayaran dibuat adalah pada 1 November 2017. Manakala tarikh akhir pembayaran BMT adalah sehingga 30 April 2018.

Jadual di bawah adalah pecahan pembayaran tuntutan BMT sehingga 31 Disember 2017:

| Bulan Pembayaran | Jumlah (RM) | Bilangan pekebun kecil |
|---|---|---|
| *Oktober** | 11,705,800 | 58,529 |
| November | 55,703,000 | 278,515 |
| Disember | 49,163,400 | 245,817 |
| | **116,572,200** | **582,861** |

** Bayaran dibuat pada 31 Oktober 2017 kepada agensi seperti LIGS, FELDA dan FELCRA bagi membolehkan BMT diagihkan kepada pekebun kecil di bawah seliaan agensi tersebut mulai 1 November 2017.*

| | Kumpulan/Lembaga |
|---|---|
| | **2017** |
| | **(RM)** |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | 261,000,000 |
| Pindahan daripada Dana IPG | 36,000,000 |
| ***Tolak: Baki Geran Pembangunan Dilunaskan*** | |
| Perbelanjaan Operasi | (116,572,200) |
| Baki 31 Disember | 180,427,800 |

## 17. KUMPULAN WANG MEKANISMA MENGAWAL SELIA HARGA GETAH DI PERINGKAT LADANG (FARM GATE) MELALUI PENETAPAN DISKAUN

Kumpulan wang ini diwujudkan bagi mengawal selia paras diskaun harga getah di peringkat ladang. Perkara ini telah dipersetujui melalui Mesyuarat Kabinet bertarikh 13 Jun 2015. LGM telah diberi mandat untuk melaksanakan perkara ini melalui penetapan diskaun antara harga SMR 20 FOB dengan cuplumps di peringkat ladang. Diskaun merujuk kepada kos dan margin peraih dan pemproses getah. Bagi tujuan tersebut sejumlah RM6.4 juta diperuntukkan kepada LGM.

Selaras dengan penubuhan kumpulan wang ini, LGM juga telah melantik Agrobank sebagai bank yang bertanggungjawab untuk memberikan pinjaman kepada Koperasi Pekebun Kecil Getah (KPKG) yang layak untuk menyertai Mekanisma ini. Setiap koperasi yang layak akan diberikan pinjaman mudah sehingga RM140,000 sebagai modal pusingan dan pembelian kenderaan (lori) untuk membeli getah daripada pekebun kecil.

## 18. TABUNG-TABUNG TERKUMPUL

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Tabung Ses Tanam Semula | 22,418,568 | 20,025,081 | 1,518,568 | 1,825,081 |
| Tabung Biasiswa | 7,269,381 | 8,682,447 | 7,269,381 | 8,682,447 |
| Tabung Inovasi | 61,659 | 61,659 | 61,659 | 61,659 |
| Tabung Penyelidikan & Pembangunan | 20,000,000 | 20,000,000 | 20,000,000 | 20,000,000 |
| | **49,749,608** | **48,769,187** | **28,849,608** | **30,569,187** |

Tabung Biasiswa diwujudkan pada tahun 2003 untuk menambahkan bilangan kakitangan yang mahir dan cekap di samping memperluaskan kumpulan tenaga kerja yang boleh diambil bekerja dengan Lembaga. Kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti adalah pegawai – pegawai penyelidik Lembaga yang sedia ada, kumpulan kakitangan sokongan, kumpulan pemegang ijazah pertama dan kumpulan pelajar menengah.

Kaedah tawaran biasiswa untuk pengajian adalah mengikut garis panduan pengajian yang dikeluarkan oleh JPA. Kesemua penerima biasiswa ini nanti akan dihantar melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh kerajaan.

Manakala Tabung Ses Tanam Semula diwujudkan pada tahun 2004 bagi membiayai kos tanam semula getah. Dana yang diterima adalah merupakan ses tanam semula yang dibayar oleh RISDA.

Pada tahun 2011, Lembaga melalui mesyuarat yang ke-68 pada 20 September 2011, telah meluluskan penubuhan Tabung Penyelidikan dan Pembangunan LGM atau *Industry Support & Technology Commercialization Fund (ISTC)* dengan dana permulaan sebanyak RM20 juta. Tujuan penubuhan tabung ini adalah bagi menampung aktiviti penyelidikan dan pembangunan LGM.

Pada tahun 2012, Lembaga melalui mesyuarat yang ke-77 pada 19 Ogos 2012, telah meluluskan cadangan dasar menggantikan semula (top up) peruntukan Tabung Penyelidikan dan Pembangunan LGM (ISTC) yang dibelanjakan secara tahunan.

## 19. REZAB

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Rezab Modal | 99,678 | 100,591 | - | - |
| Rezab Semasa Penggabungan | 9,242,303 | 13,134,468 | - | - |
| Rezab Penilaian Hartanah | 147,561,868 | 149,293,346 | 93,892,825 | 93,892,825 |
| | 156,903,849 | 162,528,405 | 93,892,825 | 93,892,825 |

## 19.1 REZAB PENILAIAN HARTANAH

| | Kumpulan (RM) |
|---|---|
| Rezab penilaian hartanah pada 01 Januari 2016 | **157,839,706** |
| Perubahan mata kadar wang asing terhadap penilaian semula hartanah di TARRC & ELGEM | (8,546,360) |
| Rezab penilaian hartanah pada 31 Disember 2016 | **149,293,346** |

*(sambungan)*

| | |
|---|---|
| Rezab penilaian hartanah pada 01 Januari 2017 | **149,293,346** |
| Pelarasan Rezab penilaian hartanah (ELGEM) | (1,228,751) |
| Perubahan mata kadar wang asing terhadap penilaian semula hartanah di TARRC & ELGEM | (502,727) |
| Rezab penilaian hartanah pada 31 Disember 2017 | **147,561,868** |

| | £ | 2017<br>RM | 2016<br>RM | Perbezaan<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| TARRC | 8,817,775 | 48,145,052 | 48,585,940 | (440,888) |
| ELGEM | 1,236,766 | 6,752,742 | 6,814,581 | (61,839) |
| **JUMLAH** | | **54,897,794** | **55,400,521** | **(502,727)** |

| | **Lembaga**<br>**(RM)** |
|---|---|
| Rezab Penilaian hartanah pada 01 Januari 2017 | **93,892,825** |
| Rezab Penilaian hartanah pada 31 Disember 2017 | **93,892,825** |

**Nota :**

Rezab Penilaian Hartanah ini wujud selepas penilaian harta Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dalam tahun 1986.

## 20. CUKAI TERTUNDA

| | Kumpulan/Lembaga | |
|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Baki 1 Januari (Hartanah, Loji & Peralatan) | 162,079 | 23,324 |
| Tahun semasa | 1,066,672 | 137,511 |
| Pelarasan cukai tertunda | - | 1,244 |
| Baki 31 Disember | **1,228,751** | **162,079** |

## 21. HASIL

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Geran Mengurus Diterima | 30,000,000 | 29,100,000 | 30,000,000 | 29,100,000 |
| Geran Pembangunan RMK Dilunaskan | 12,919,695 | 11,002,011 | 12,919,695 | 11,320,326 |
| Geran NKEA Dilunaskan | 4,375,633 | 3,365,173 | 4,375,633 | 3,365,173 |
| Geran Skim Kluster Lateks Dilunaskan | 29,019 | - | 29,019 | - |
| Geran IPG Dilunaskan | 7,502,453 | 59,884,522 | 7,502,453 | 59,884,522 |
| Geran BMT Dilunaskan | 116,572,200 | - | 116,572,200 | - |
| Jualan Getah | 8,561,800 | 7,304,025 | 2,589,252 | 2,396,441 |
| Jualan Barangan Getah - UK | 6,803,851 | 4,030,499 | - | - |
| Jualan Sawit | 14,885,284 | 11,107,369 | - | - |
| Sewaan | 10,615,638 | 9,598,552 | 7,020,680 | 5,518,057 |
| Kutipan Ses | 47,614,834 | 39,759,917 | 47,614,834 | 39,759,917 |
| Yuran Pendaftaran Ekspot | 3,293,071 | 3,073,182 | 3,293,071 | 3,073,182 |
| Faedah dan Perolehan dari Pelaburan | 62,811,916 | 68,368,808 | 61,624,766 | 67,276,660 |
| Sumbangan Daripada Perbadanan | - | - | 3,000,000 | - |
| Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit | 2,363,733 | 2,339,739 | 2,363,733 | 2,339,739 |
| Hasil Bayaran Perkhidmatan | 4,361,193 | 7,569,854 | 4,361,193 | 4,068,759 |
| | **332,710,320** | **256,503,651** | **303,266,529** | **228,102,776** |

## 22. LAIN – LAIN HASIL

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Perolehan Jualan Barang-barang | 688,950 | 806,355 | 688,950 | 806,355 |
| Pelbagai Hasil | 25,328,755 | 5,375,659 | 23,580,794 | 3,481,120 |
| Sumbangan Caruman Pekerja | 67,165 | 70,530 | 67,165 | 70,530 |
| Pampasan Kebakaran | - | 1,536,848 | - | 1,536,848 |
| Pengurangan Peruntukan Hutang ragu | 10,333 | - | 10,333 | - |
| Keuntungan Atas Mata Wang Asing | 38,946 | 502,836 | - | - |
| Keuntungan Atas Jualan Harta | 125,275 | 6,005,242 | 125,275 | 355,973 |
| Jaminan Pendapatan Pencen Tertunda | 2,071,960 | - | - | - |
| | **28,331,384** | **14,297,470** | **24,472,517** | **6,250,826** |

## 23. GAJI DAN PENCEN KAKITANGAN

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Gaji Biasa Kakitangan Awam | 65,154,921 | 66,028,589 | 46,736,886 | 46,066,107 |
| Imbuhan Tahunan | 1,404,594 | 1,324,250 | 1,404,594 | 1,324,250 |
| Pencen | 7,180,678 | 7,006,632 | 7,180,678 | 7,006,632 |
| Elaun Lebih Masa | 1,193,041 | 1,661,836 | 1,071,138 | 1,543,338 |
| Pelbagai Pemberian Elaun | 13,451,231 | 13,053,294 | 13,011,638 | 12,518,437 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 1,543,468 | 1,443,966 | 800,102 | 905,699 |
| Insurans dan sumbangan lain | 472,190 | 476,185 | 2,522 | 1,219 |
| Insentif Kakitangan | 1,517,205 | 386,186 | 415,455 | 386,186 |
| Imbuhan Tetap Jawatan Utama | 166,200 | 187,903 | 166,200 | 187,903 |
| Lain-lain Pembayaran | 578,812 | 310,416 | 87,960 | 7,114 |
| | **92,662,340** | **91,879,257** | **70,877,173** | **69,946,886** |

Imbuhan kepada kakitangan pengurusan penting adalah terdiri seperti berikut:

| | Kumpulan | | | | Lembaga | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2017 | | 2016 | | 2017 | | 2016 | |
| | Pengarah Eksekutif | Pengarah Bukan Eksekutif | Pengarah Eksekutif | Pengarah Bukan Eksekutif | Pengarah Eksekutif | Pengarah Bukan Eksekutif | Pengarah Eksekutif | Pengarah Bukan Eksekutif |
| RM400,000 - RM500,000 | - | - | 1 | - | - | - | - | - |
| RM300,000 - RM400,000 | 1 | - | 1 | - | 1 | - | 1 | - |
| RM200,000 - RM300,001 | - | - | 1 | - | - | - | - | - |
| RM100,000 - RM200,000 | 1 | 1 | - | 1 | 1 | 1 | - | 1 |
| Di bawah RM100,000 | - | 32 | - | 16 | - | 18 | - | 12 |

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Jumlah imbuhan kakitangan pengurusan utama | 1,198,309 | 1,618,108 | 904,511 | 866,045 |

## 24. PERBELANJAAN TAMBAHAN YANG DILULUSKAN

| Tahun 2017 | Kumpulan/Lembaga (RM) |
|---|---|
| Perbelanjaan revote | 1,341,390 |
| Perbelanjaan Aksesori Mesin *Roadwheel* | 30,800 |
| Perbelanjaan berkaitan *Scientific and Economic Advisory Committee (SEAC)* | 152,728 |
| Perbelanjaan Tabung R&D | 4,299,191 |
| Program Getah Untuk Pribumi (GUP) | 1,120,187.61 |
| Perbelanjaan berkaitan Rubber Smallholder Enterprenuer Development System | 133,382 |
| Perbelanjaan Projek Pembangunan RFID/GMD | 30,567 |
| Perbelanjaan Pembangunan Semula RRIMINIS | 1,555,305 |
| Perbelanjaan Pembangunan *Standards Development Agency* (SDA) | 31,026 |
| Perbelanjaan Bekalan Elektrik Similajau | 35,926 |
| Kerja Penyambungan paip Similajau | 150,000 |
| Baikpulih makmal Biotek LGM Sg. Sari | 170,158 |
| | **9,050,660** |

| Tahun 2016 | Kumpulan/Lembaga (RM) |
|---|---|
| Perbelanjaan revote | 1,438,975 |
| Perbelanjaan Aksesori Mesin *Roadwheel* | 277,200 |
| Perbelanjaan berkaitan *Scientific and Economic Advisory Committee (SEAC)* | 215,705 |
| Perbelanjaan Tabung R&D | 4,302,729 |
| Program Getah Untuk Pribumi (GUP) | 487,786 |
| Perbelanjaan berkaitan Rubber Smallholder Enterprenuer Development System | 55,413 |
| Perbelanjaan Pembangunan Semula RRIMINIS | 2,108,063 |
| Perbelanjaan Pembangunan *Standards Development Agency* (SDA) | 65,937 |
| Perbelanjaan Konsultansi Projek Pembangunan 5 Fasaliti | 152,938 |
| Perbelanjaan Perlaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) | 911,368 |
| Perbelanjaan Membaiki Cerun Stesen Similajau | 45,000 |
| Pembayaran Semula Wang Pampasan DBKL | 163,202 |
| | **10,224,316** |

## 25. PERBELANJAAN BEKALAN, PERKHIDMATAN DAN LAIN-LAIN

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Perkhidmatan dan bekalan | 69,904,931 | 65,809,790 | 57,907,428 | 56,690,724 |
| Perbelanjaan Hartanah, Loji & Peralatan | 2,087,159 | 2,735,041 | 510,454 | 1,289,899 |
| Pemberian dan kenaan tetap | 332,007 | 260,802 | - | - |
| Perbelanjaan-perbelanjaan lain | 15,341,425 | 12,096,072 | 3,001,489 | 2,223,061 |
| Perbelanjaan Pembangunan & Penyelidikan | 4,547,976 | 7,076,412 | 7,350,072 | 7,076,412 |
| | **92,213,498** | **87,978,117** | **68,769,443** | **67,280,096** |

## 26. PERCUKAIAN

Mengikut kuasa di bawah Seksyen 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya Lembaga Getah Malaysia mendapat pengecualian cukai pendapatan untuk tempoh tahun taksiran 1998 dan tahun-tahun berikutnya untuk pendapatan-pendapatan berikut:

(a) Peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri dalam bentuk geran untuk membiayai perbelanjaan mengurus;

(b) Peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri untuk membiayai perbelanjaan pembangunan, sama ada di dalam bentuk geran ataupun pinjaman; dan

(c) Apa-apa derma ataupun sumbangan yang diterima.

(d) Yuran, ses dan levi yang diterima di bawah peruntukan undang-undang tertentu untuk membiayai perbelanjaan operasi setelah ditolak perbelanjaan dikecualikan daripada cukai pendapatan diperingkat pendapatan berkanun.

Penyata penyesuaian cukai adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM ) | 2016 (RM ) | 2017 (RM ) | 2016 (RM ) |
| Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai | 12,068,351 | (34,333,490) | 8,247,814 | (21,397,337) |
| Cukai pada kadar 28% (2016 : 28%) | 3,379,138 | (9,613,377) | 2,309,388 | (5,991,254) |
| Kurangan bersih sebelum cukai dikecualikan cukai | 9,704,003 | 24,073,218 | 9,704,003 | 24,073,218 |
| Perbelanjaan yang tidak dibenarkan bagi tujuan cukai | 2,730,095 | 6,634,151 | 1,271,896 | 1,258,453 |
| Perbelanjaan Ditolak Dua Kali | (896) | (660) | (896) | (660) |
| Pendapatan Dikecualikan Cukai | (368,670) | (691,082) | - | (99,672) |
| Cukai terkurang/(terlebih) peruntuk tahun lalu | 1,068,379 | 424,764 | 1,098,715 | 751,549 |
| Cukai tertunda terkurang peruntuk tahun lalu | (302,807) | 1,244 | - | - |
| Percukaian | **16,209,242** | **20,828,258** | **14,383,105** | **19,991,633** |

Perincian jadual percukaian adalah seperti berikut:

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | 2017 (RM) | 2016 (RM) | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
| Cukai Tahun Semasa | 14,130,965 | 20,198,458 | 13,284,390 | 19,240,084 |
| Terkurang/(Terlebih) Peruntukan Tahun Sebelum | 1,068,379 | 424,764 | 1,098,715 | 751,549 |
| Cukai Tertunda berkaitan pelarasan perubahan sementara (temporary difference) | 1,312,705 | 203,792 | - | - |
| Pelarasan Cukai Tertunda | (302,807) | 1,244 | - | - |
| Percukaian | 16,209,242 | 20,828,258 | 14,383,105 | 19,991,633 |

## 27. PELARASAN TAHUN LEPAS

### 2017

### Lembaga

| Klasifikasi | Jumlah (RM) | Justifikasi |
|---|---|---|
| Aset | 642,632 | Pelarasan terhadap aset terkurang nyata pada tahun 2016 |
| Perbelanjaan | 197,441 | Pelarasan terhadap perbelanjaan terlebih nyata pada tahun-tahun sebelumnya |
| Perbelanjaan | 125,997 | Pelarasan terhadap perbelanjaan terlebih nyata pada tahun 2016 |
| | **966,070** | |

### 2016

### Lembaga

| Klasifikasi | Jumlah (RM) | Justifikasi |
|---|---|---|
| Perbelanjaan | 199,898 | Pelarasan terhadap perbelanjaan terlebih nyata pada tahun 2015 |
| | **199,898** | |

## 28. PENGLIBATAN MODAL

Di dalam urusan biasa Lembaga, beberapa kontrak telah diluluskan untuk kerja-kerja pembangunan dan pembinaan melibatkan perbelanjaan modal.

| | 2017 (RM) | 2016 (RM) |
|---|---|---|
| Perbelanjaan Modal | | |
| - diluluskan dan telah dikontrakkan | **1,130,903,947** | **1,125,830,011** |

Tiada penglibatan modal di bawah perbadanan-perbadanan Lembaga setakat 31 Disember 2017.

## 29. MAKLUMAT KAKITANGAN

Jumlah kakitangan Lembaga pada 31 Disember 2017 adalah seramai 1,150 orang (31 Disember 2016: 1,211 orang) dan kakitangan Kumpulan pada 31 Disember 2017 adalah seramai 1,362 orang (31 Disember 2016: 1,370 orang).

| | Kumpulan | | Lembaga | |
|---|---|---|---|---|
| | **2017** | **2016** | **2017** | **2016** |
| Kumpulan Pengurusan Tertinggi | 17 | 16 | 11 | 11 |
| Kumpulan Pengurusan dan Profesional | 257 | 260 | 200 | 203 |
| Kumpulan Sokongan | 1,088 | 1,094 | 939 | 997 |
| Jumlah Kakitangan | **1,362** | **1,370** | **1,150** | **1,211** |

## 30. INSTRUMEN KEWANGAN

a) Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan

Polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Lembaga adalah untuk memastikan sumber-sumber kewangan yang mencukupi bagi pembangunan operasi Kumpulan dan Lembaga sementara menguruskan risiko-risiko kewangannya, termasuk risiko pertukaran matawang asing, risiko kredit, risiko kadar faedah, risiko pinjaman tidak berbayar, risiko kecairan dan aliran tunai.

b) Risiko pertukaran matawang asing

Kumpulan dan Lembaga adalah terdedah kepada risiko pertukaran matawang asing di mana sebahagian besarnya adalah di dalam penghantaran wang ke Tun Abdul Razak Research Centre (TARRC) dan MRB London Representatives (LR) yang didenominasikan dalam Pound Sterling. Selain itu penggunaan matawang asing yang lain seperti Dolar Amerika digunakan bertujuan untuk pembelian aset / perkhidmatan dan juga pembiayaan biasiswa kepada kakitangan Lembaga yang melanjutkan pelajaran di luar negara.

c) Risiko kredit

Risiko kredit Kumpulan dan Lembaga adalah daripada akaun-akaun penghutang. Akaun-akaun ini dipantau dari semasa ke semasa melalui prosedur dalaman yang sedia ada dan tindakan akan diambil terhadap hutang-hutang tertunggak.

Pendedahan maksima kepada risiko kredit bagi aset kewangan yang dikenalpasti merupakan amaun pembawa yang ditunjukkan dalam lembaran imbangan.

d) Risiko kadar faedah

Kumpulan dan Lembaga menyelenggara satu had tunai dan simpanan tetap untuk memenuhi keperluan modal kerjanya. Risiko ini wujud akibat turun naik kadar faedah di pasaran.

e) Risiko pinjaman tidak berbayar

Risiko pinjaman tidak berbayar timbul daripada pinjaman kakitangan yang terdiri daripada pinjaman komputer dan kenderaan. Risiko ini wujud disebabkan pemberhentian dan kematian kakitangan terbabit. Risiko ini ditangani oleh pihak Kumpulan dan Lembaga dengan membuat penilaian terhadap permohonan-permohonan baru berdasarkan latar belakang kedudukan kewangan pemohon pinjaman dan juga mematuhi peraturan-peraturan yang digariskan di dalam-surat-surat pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan dengan pinjaman komputer dan kenderaan.

f) Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan dan Lembaga menguruskan dengan teliti urusan keluar masuk tunai dan juga urusan pengutipan semula hutang – hutang pelanggan yang mencapai tempoh matang bagi menjaga kecairan dan aliran tunainya.

Bagi menguruskan aliran tunai yang baik, pihak Kumpulan dan Lembaga akan melaburkan lebihan baki wang di akaun – akaun semasa bank ke dalam simpanan tetap di institusi – institusi kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan mengikut had tempoh masa labur semula minima selama 1 bulan. Had tempoh masa labur semula minima 1 bulan digunapakai bagi menyediakan sumber kewangan yang mencukupi dalam sesuatu bulan untuk membiayai keperluan modal kerja Kumpulan dan Lembaga.

Manakala dalam urusan pengutipan semula hutang – hutang pelanggan, Kumpulan dan Lembaga sentiasa mengemaskini laporan pengumuran hutang pelanggan setiap bulan. Bagi hutang – hutang pelanggan yang sudah melebihi tempoh matang iaitu 30 hari, maka surat peringatan pertama akan dihantar diikuti surat peringatan kedua iaitu 14 hari selepas penghantaran surat peringatan pertama dan akhirnya, selepas 14 hari dari tarikh surat peringatan kedua, surat peringatan terakhir akan dihantar kepada pelanggan sebelum diambil tindakan perundangan ke atas pelanggan terbabit. Setiap penghantaran surat peringatan akan disusuli dengan panggilan telefon bagi mengutip semula hutang – hutang pelanggan terbabit.

g) Nilai Saksama

Amaun pembawa bagi tunai dan tunai setara, akaun penghutang dagangan dan akaun penghutang lain serta akaun pemiutang dagangan dan akaun pemiutang am adalah menghampiri nilai saksama memandangkan ciri-ciri jangka pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

Berikut merupakan kaedah-kaedah dan andaian-andaian lain yang digunakan untuk menganggar nilai saksama untuk setiap kelas instrumen kewangan berikut:-

i. Deposit dengan institusi kewangan, tunai dan baki di bank.

   Amaun pembawa deposit dengan institusi kewangan, tunai dan baki di bank adalah menghampiri nilai saksama disebabkan tempoh matang yang pendek secara relatif bagi instrumen-instrumen.

ii. Akaun penghutang dan pemiutang dagangan dan lain-lain

   Kos sejarah bagi amaun pembawa untuk akaun-akaun penghutang dan pemiutang dagangan tertakluk kepada syarat-syarat kredit dagangan yang normal adalah menghampiri nilai saksama. Amaun pembawa bagi akaun-akaun penghutang dan pemiutang lain adalah anggaran yang munasabah bagi nilai saksama, memandangkan tempoh matangnya yang pendek.

## 31. MANFAAT KAKITANGAN

### a) Manfaat pekerja jangka pendek

Lembaga sebagai sebuah badan berkanun persekutuan tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di panel-panel klinik yang dilantik termasuk semua klinik dan hospital kerajaan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

### b) Pelan caruman wajib

Sebagaimana peruntukan perundangan dan diamalkan oleh agensi – agensi kerajaan yang lain, pihak Lembaga membayar caruman pada kadar 17.5% bagi skim pencen dan 12% bagi caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara bulanan.

c) **Pelan manfaat persaraan**

**i)** Bagi kakitangan tetap Lembaga sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran gantian cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Lembaga.

Ganjaran gantian cuti rehat adalah dikira berdasarkan formula berikut :

**1/30 X gaji yang akhir diterima X jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan,**

**(tertakluk kepada had maksimum 150 hari).**

Pihak Lembaga juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut :

**[17.5% - 12 % (caruman KWSP majikan) X gaji pokok terakhir X jumlah bulan perkhidmatan] DITOLAK faedah syer ke atas caruman KWSP majiikan**

Selain itu, pihak Lembaga akan menggunapakai pekeliling – pekeliling berkaitan dengan manfaat atau ganjaran kepada kakitangan yang diluluskan oleh pihak Lembaga Pengarah termasuk pekeliling – pekeliling perkhidmatan Awam yang berkaitan dari semasa ke semasa.

ii) Mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007, pihak perbadanan LGM Properties Corporation telah menerima pakai keperluan MASB 29 di mana bayaran manfaat kakitangan yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai tanggungan jangka panjang yang dikenali sebagai Tanggungan Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Walau bagaimanapun, bayaran manfaat kakitangan ini adalah tertakluk sepertimana yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah LGM Properties Corporation bertarikh 10 Disember 2007, iaitu, pihak perbadanan bersetuju sejumlah RM220,000 setahun diiktiraf secara akruan dalam Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain tahun semasa mulai tahun kewangan berakhir 31 Disember 2007.

iii) TARRC di United Kingdom melaksanakan dua (2) jenis skim pencen kepada kakitangan mereka iaitu di bawah kategori *Defined Benefit* dan *Defined Contribution* dengan caruman majikan di antara 4% hingga 18%.

## 32. PERISTIWA PENTING DI DALAM TAHUN KEWANGAN

### a) Projek Pembangunan Lima (5) Fasiliti

Projek Pembangunan lima (5) fasiliti LGM di Sungai Buloh telah ditandatangani di antara pihak LGM sebagai pemilik dan KLIA Consultancy Services Sdn Bhd (KLIACS) dan KLIA Associates Sdn Bhd (KLIAA) sebagai *Project Delivery Partner – PDP)* pada 9 Disember 2013 yang meliputi kos projek berjumlah **RM1,100,000,018.**

Projek ini dijangka dapat disempurnakan (pengeluaran *Certificate of Practical Completion – CPC*) pada 30 Ogos 2018 dan dijangka *Project Final Completion Certificate* dapat dikeluarkan oleh pihak PDP pada 30 Ogos 2020.

Pada 18 Februari 2016, mesyuarat Lembaga kali ke 85 telah bersetuju dengan kenaikan kos projek pembangunan ini daripada RM1,100,000,018 kepada RM1,195,086,214. Kenaikan ini adalah berpunca daripada pertambahan keluasan lantai di bangunan pusat penyelidikan yang dikenali sebagai Centre of Excellence daripada 679,900 kaki persegi kepada 866,860 kaki persegi. Peningkatan kos melibatkan kos pembinaan bangunan, kos kelengkapan makmal, yuran 'Project Delivery Partner' (PDP) dan termasuk RM9,086,214.06 cukai perkhidmatan / cukai barangan dan perkhidmatan (GST) untuk PDP.

**b) Penggulungan RRIM-Consult Corporation (RRIMCORP)**

Penggulungan RRIMCORP telah berkuat kuasa mulai 15 November 2015 sebagaimana dijelaskan pada Nota 6.

**c) Pembangunan Hartanah di Lot 5 dan Lot 211 di Jalan Ampang, Kuala Lumpur**

Perjanjian tambahan dengan pemaju ditandatangani pada 18 Disember 2015 di mana pulangan kepada LGM meningkat kepada RM287,250,000 sebagaimana dijelaskan pada Nota 14. Semua *conditions precedent* di dalam perjanjian usahasama telah dipenuhi pada 23 November 2017.

**d) Pembangunan Hartanah di Lot 76 di Jalan Ampang, Kuala Lumpur**

Pada 20 April 2016, Lembaga telah menandatangani perjanjian usahasama untuk membangunkan Lot 76 Jalan Ampang seluas 5.179 ekar. Projek ini dilaksanakan bersama syarikat Landasan Bayu Sdn Bhd. Nilai pulangan kepada Lembaga adalah sebanyak RM299,852,486 sebagaimana dijelaskan pada Nota 14.

## 33. TANGGUNGAN LUAR JANGKA

**a) Kes Pajakan Tanah kepada Sayfol International School di Lot 857, 858, 859 dan 860 Jalan Ampang, Kuala Lumpur**

Permohonan injunksi (inter-partes) daripada Plaintif telah ditetapkan untuk pendengaran pada 10 Februari 2014.

Mahkamah telah menangguhkan pendengaran permohonan injunksi (inter-partes) ke 18 Mac 2015 bagi kedua-dua pihak memfailkan affidavit.

Mahkamah telah memutuskan untuk membenarkan injunksi daripada Plaintif memandangkan Plaintif adalah sebuah sekolah (public interest). Injunksi ini telah diberikan sehingga mahkamah membuat keputusan terhadap kes ini.

Writ Saman dan Penyataan Tuntutan

LGM telah memfailkan Notis Kehadiran dan di dalam proses menyediakan Pembelaan.

Kes telah ditetapkan untuk bicara pada 18 – 21 Ogos 2014. Tuntutan Plaintif adalah seperti berikut:

i. Meminta pelaksanaan spesifik (specific performance) iaitu LGM diminta untuk melaksanakan perjanjian pajakan untuk tempoh 30 tahun dengan opsyen pembaharuan bagi Lot 261 Jalan Ampang;

ii. Secara alternatifnya, sekiranya Mahkamah mendapati permohonan tidak wajar maka LGM diminta meneruskan pelaksanaan perjanjian pajakan untuk tempoh 30 tahun dengan opsyen pembaharuan bagi Lot 260 Jalan Ampang;

iii. Tuntutan gantirugi sebanyak RM125,000.00 bagi kos konsultan dan peguamcara yang telah dilantik oleh Sayfol dalam penyediaan perjanjian pajakan dan hal ehwal pajakan tersebut; dan

iv. Sekiranya LGM enggan untuk meneruskan dengan Perjanjian Pajakan tersebut walaupun telah diperintahkan Mahkamah, maka Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah diberi kuasa untuk melaksanakan perjanjian pajakan tersebut bagi pihak LGM.

Pada 29 Oktober 2014, Mahkamah telah menolak tuntutan Plaintif di atas dan telah menolak tuntutan balas LGM untuk double rental daripada Plaintif.

Pihak Plaintif telah memfailkan Rayuan dan Permohonan Penangguhan Pelaksanaan keputusan pada 19 Disember 2014. Perkara ini telah ditetapkan untuk pendengaran pada 13 Mei 2015.

Mahkamah Rayuan telah memutuskan untuk membenarkan rayuan Plaintif pada 28 Oktober 2015. LGM telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Persekutuan. Kes telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 14 Mac 2016. Tarikh pendengaran rayuan ke Mahkamah Persekutuan ditetapkan pada 30 Mei 2016.

Mahkamah Persekutuan menolak permohonan rayuan LGM dan keputusan Mahkamah Rayuan kekal di mana perjanjian pajakan telah dimuktamadkan dan pihak-pihak perlu menandatangani perjanjian dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh keputusan.

LGM telah menandatangani perjanjian pajakan pada 8 Jun 2016 selaras dengan keputusan Mahkamah Rayuan. Tempoh pajakan adalah selama 30 tahun iaitu sehingga Disember 2042. Syafol juga meminta supaya semua hasil sewaan yang dikutip LGM daripada penyewa lain di Lot ini daripada tahun 2013 sehingga kini dibayar kepada Sayfol kerana berpendapat Sayfol sepatutnya mendapat tanah tersebut secara keseluruhan bermula tahun 2013.

LGM mendapat makluman bahawa Sayfol telah memfailkan saman terhadap LGM berkenaan tuntutan sewa tersebut. Pada 10 November 2017, mahkamah memutuskan untuk menolak permohonan Sayfol untuk tuntutan sewa tersebut. Pada 22 November 2017 Sayfol telah memfailkan Notis Rayuan dan tarikh untuk pendengaran masih belum ditetapkan.

**b) Kes Pembinaan Infrastruktur di Stesen Penyelidikan Sg Sari, Kedah Darul Aman**

Kes telah ditetapkan untuk Perbicaraan Penuh pada 11 – 12 Januari 2014. Kes kemudian ditetapkan untuk sambung bicara pada 18, 21 dan 22 Februari 2014.

Walaubagaimanapun, peguamcara Plaintif (Umibina) telah memfailkan Permohonan untuk Menarik Diri Sebagai Peguamcara Plaintif. Permohonan telah di dengar pada 18 Februari 2014 dan Mahkamah membenarkan permohonan peguamcara Plaintif untuk menarik diri.

Kes telah ditetapkan semula untuk sebutan pada 3 Mac 2014 bagi membolehkan Plaintif melantik peguamcara yang baru. Plaintif telah memfailkan permohonan untuk meminda Saman dan Pernyataan Tuntutan pada 26 Mei 2014 dan telah dibenarkan oleh Mahkamah pada 29 September 2014.

Sambung bicara telah ditetapkan pada 8 – 9 2015. Walaubagaimanpun peguam Plaintif telah memohon untuk penangguhan bicara pada tarikh tersebut. Tarikh sambung bicara yang baru adalah 3 – 6 Ogos 2015.

Kedua-dua pihak telah memfailkan hujahan bertulis. Mahkamah telah menetapkan tarikh keputusan pada 29 Mac 2016. Pada 13 Mei 2016, mahkamah memutuskan tuntutan daripada Umibina terhadap LGM ditolak dengan kos sebanyak RM80,000.

Umibina telah memfailkan rayuan terhadap keputusan tersebut dan telah ditetapkan untuk Pengurusan Kes pada 16 Mac 2017. Mahkamah juga menyatakan Kerajaan Malaysia perlu dipanggil sebagai Defendan Kedua dalam kes ini. Plaintif diminta untuk meminda Saman dan Penyataan Tuntutan tersebut.

Mahkamah Tinggi pada 14 Disember 2017 telah membuat keputusan untuk menolak permohonan Umibina dengan kos sebanyak RM90,000 dibayar kepada LGM.

Umibina telah memfailkan Notis Rayuan pada 10 Januari 2018 dan ditetapkan untuk pengurusan kes pada 22 Mac 2018.

## 34. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK BERKAITAN

Bagi penyata kewangan ini, maksud bagi pihak berkaitan dengan Kumpulan ialah Kumpulan atau Lembaga yang mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan berkaitan kewangan, operasi, dan sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Lembaga dan pihak berkenaan adalah tertakluk kepada kawalan umum atau pengaruh penting yang sama.

### a) Urusniaga antara kumpulan

| | 2017<br>RM | 2016<br>RM |
|---|---|---|
| **LGM Properties Corporation** | | |
| Bayaran Sewa Ladang dan Harta Komersial | 3,000,000 | 3,000,000 |
| Sumbangan daripada Perbadanan Induk | 3,000,000 | - |
| | **6,000,000** | **3,000,000** |

### b) Urusniaga dengan kakitangan pengurusan penting

Kakitangan pengurusan penting merujuk kepada seseorang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab dalam merancang, mengarah dan mengawal aktiviti Kumpulan dan Lembaga. Urusniaga yang berkaitan dengan kakitangan pengurusan penting dalam tahun kewangan semasa dinyatakan di Nota 23 kepada penyata kewangan.

## 35. ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan bagi tahun lepas telah disusun semula di mana perlu supaya selaras dengan angka yang dibentangkan tahun ini.

## 36. PEMBERIAN KUASA UNTUK PENGISUAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 telah diberi kuasa pengisuannya berdasarkan mesyuarat Lembaga Pengarah yang bertarikh 17 Ogos 2018.

BANTUAN MUSIM TENGKUJUH

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD
LGM

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
Kreatif • Inovatif • Progresif